

Menangani

# RA\$UAH



dalam

**PER**  **LEHAN**

Kerajaan



Menangani **RASUAH** dalam  
**PEROLEHAN** kerajaan

Terbitan

**BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tel : 603-8870 0000

Faks : 603-8870 0901

E-mel : info@sprm.gov.my

SMS : 019-6000 696

**Penulis dan Penyunting**

Mohamad Tarmize Abdul Manaf

**@ HAK CIPTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Cetakan pertama : November 2017

Cetakan kedua : Oktober 2020

ISBN 978-967-5459-16-0

# KANDUNGAN

---

## *Mesej SPRM*

### **BAB 1: *Perolehan kerajaan & risiko rasuah*** **1**

- Pengenalan
- Fakta berkaitan rasuah dalam perolehan awam
- Tiga kategori perolehan kerajaan
- Jenis-jenis perolehan kerajaan
- Integriti dalam perolehan kerajaan
- Siapa terlibat dan bentuk risiko rasuah
- Punca dan impak rasuah

### **BAB 2: *Kesalahan rasuah dalam perolehan kerajaan*** **39**

- Kenali rasuah
- Bentuk-bentuk rasuah
- Kesalahan meminta & menerima rasuah
- Kesalahan menawar & memberi rasuah
- Kesalahan tuntutan palsu
- Kesalahan salah guna kedudukan
- Contoh kes sebenar
- Akibat rasuah

# KANDUNGAN

---

**BAB 3: Laporan Ketua Audit Negara & peranan SPRM** **93**

- Laporan Ketua Audit Negara
- Skop audit
- Sijil Ketua Audit Negara
- Teguran audit
- Peranan SPRM
- Statistik tindakan SPRM ke atas LKAN

**BAB 4: Isu-isu lazim perolehan kerajaan** **103**

- Perolehan pada harga tidak munasabah
- Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi
- *Improper payment*
- Isu 'orang tengah'
- Perolehan secara pecah kecil
- Salah urus aset kerajaan
- Menerima hadiah daripada kontraktor
- Gagal melaksanakan *due diligent*
- Campur tangan legislatif
- Contoh kes sebenar
- Bagaimana menangani?

# KANDUNGAN

---

**BAB 5: *Hati-hati... Hadiah boleh menjadi rasuah*** **151**

- Bila hadiah menjadi rasuah
- Peringatan kepada pegawai perolehan
- Seksyen 165 Kanun Keseksaan
- Contoh kes sebenar
- Hadiah yang boleh diterima
- Melaporkan penerimaan hadiah
- Peranan ketua jabatan apabila menerima pelaporan

**BAB 6: *Mencegah lebih baik daripada merawat*** **167**

- Kenali tanda-tanda mereka yang terlibat rasuah
- Tips mencegah rasuah
- Mencegah rasuah dalam organisasi, apa yang perlu dilakukan?
- Inisiatif kerajaan bagi memperkasa perolehan kerajaan

# KANDUNGAN

---

<b>BAB 7: <i>Laporkan jenayah rasuah</i></b>	<b>195</b>
• Laporkan rasuah: Apa yang penting?	
• Bagaimana membuat laporan?	
• Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	
• Akta Perlindungan Saksi 2009	
• Pengiktirafan kepada penjawat awam	
<b>Senarai rujukan</b>	<b>203</b>



# MESEJ SPRM

---

*Assalamualaikum* dan salam **PERANGI** rasuah,

**AMAT** menyedihkan apabila peruntukan kerajaan yang bertujuan menjamin kelestarian penyampaian perkhidmatan kepada rakyat diseleweng oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Usaha SPRM untuk membendung perkara ini tidak terhenti kepada tindakan punitif sahaja. Pada masa yang sama, SPRM melaksanakan usaha pencegahan dan pendidikan kepada mereka yang terlibat dengan perolehan awam.

Penerbitan buku ini merupakan salah satu inisiatif SPRM bagi mendidik pegawai-pegawai awam, terutama yang terdedah kepada risiko jenayah rasuah dan salah guna kuasa semasa menguruskan perolehan di agensi mereka.


Selain fakta-fakta dan contoh kes, buku ini turut memberi panduan mengenai langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi mencegah jenayah keji ini. Diharap penerbitan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua.

Sekian.

**Dato' Sri Shamshun Baharin Mohd Jamil**

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



*Bab*  
**1**

---

**PEROLEHAN  
KERAJAAN**

& risiko rasuah

“Penyelewengan dalam perolehan oleh agensi dan jabatan awam merupakan faktor tertinggi yang menyebabkan ketirisan dana kerajaan.

Contoh penyelewengan dalam perolehan adalah seperti mengemukakan dokumen tuntutan untuk bayaran walaupun kerja atau perkhidmatan yang sepatutnya tidak dilaksanakan atau pembekalan yang dibuat tidak mengikut spesifikasi serta kuantiti seperti yang dituntut.”

- **Ketua Audit Negara** -  
19 November 2015

## **PENGENALAN**

Perolehan kerajaan merupakan satu bidang yang amat terdedah kepada perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Pegawai yang terlibat dengan perolehan sentiasa berdepan risiko terlibat dengan jenayah serius ini.

Akibat rasuah, kerajaan boleh mengalami kerugian jutaan ringgit apabila produk yang dihantar tidak mengikut spesifikasi serta tidak berfungsi dengan baik, harga terlalu mahal serta mempunyai kualiti yang rendah.

Sekiranya melibatkan pembinaan, perbuatan rasuah mampu membahayakan nyawa manusia.

## Apakah itu **PEROLEHAN** kerajaan?

Secara mudahnya 'perolehan kerajaan' bermaksud urus niaga pembelian oleh pihak kerajaan.

Perolehan kerajaan ini tidak hanya melibatkan syarikat atau organisasi besar, malah boleh juga dibuat oleh syarikat kecil atau perniagaan perseorangan.

Barang atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada kerajaan boleh terdiri daripada sekecil-kecil barang seperti alat tulis dan kelengkapan pejabat sehingga pembinaan bangunan sekolah, hospital, lapangan terbang atau projek mega milik kerajaan.

## **FAKTA berkaitan RASUAH dalam perolehan awam?**

Seluruh dunia, jumlah perbelanjaan untuk projek dan perolehan awam menjangkau trilion Dollar Amerika.

Rasuah menyebabkan pertambahan sehingga **50%** kepada kos projek.

**SUMBER:**

*Transparency International (2017)*

Purata

**10% - 25%**

daripada nilai kontrak awam hilang dan masuk ke poket perasuah.

**SUMBER:**

*UNODC (2013)*

# BELANJAWAN Malaysia 2020

\*\*\*

**RM297  
bilion** Keseluruhan  
perbelanjaan  
kerajaan

**RM241 bilion**  
Perbelanjaan Mengurus

**RM56 bilion**  
Perbelanjaan Pembangunan

**SUMBER:** *Ucapan Belanjawan Tahun 2020  
oleh YB Menteri Kewangan*



# **TIGA** kategori perolehan kerajaan

## **KERJA**

---

Melibatkan kerja-kerja pembinaan seperti bangunan, lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, tapak kawasan, empangan air, kerja perparitan serta merangkumi kerja-kerja mekanikal dan elektrik.

## **BEKALAN**

---

Merangkumi barangan/peralatan yang dibekalkan bagi menjalankan sesuatu program, aktiviti atau projek kerajaan seperti makanan, pakaian, kenderaan dan kelengkapan pejabat.

## **PERKHIDMATAN**

---

Ditafsirkan sebagai khidmat tenaga manusia atau kepakaran untuk melaksanakan dan menyiapkan sesuatu projek tertentu. Bidang perkhidmatan terbahagi kepada dua iaitu perkhidmatan perunding dan bukan perunding.

## JENIS-jenis PEROLEHAN kerajaan

Jenis perolehan	Nilai projek	Penjelasan
Pembelian Terus	Nilai projek sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak	<p>Perolehan dibuat secara pembelian terus daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.</p> <p>Pembekal boleh dipilih sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.</p>
Sebut Harga B	Nilai projek melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak	<p>Perolehan dibuat melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sekurang-kurangnya tiga pembekal dipelawa untuk menghantar sebut harga mereka.</li><li>• Pembekal mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera;</li><li>• Pemilihan pembekal yang berjaya akan dibuat melalui jawatankuasa yang dilantik.</li></ul>

Jenis perolehan	Nilai projek	Penjelasan
Pelawaan Sebut Harga - Pembekalan dan Perkhidmatan	Nilai projek RM50,000 hingga RM500,000	<p>RM50,000 hingga RM100,000 - Sekurang-kurangnya lima pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera</p> <p>RM50,000 hingga RM500,000 - Sekurang-kurangnya lima pembuat/pembekal tempatan</p>
Pelawaan Sebut Harga - Kerja	Nilai projek RM20,000 hingga RM500,000	<p>RM20,000 hingga RM200,000 - Sekurang-kurangnya lima kontraktor tempatan/daerah Gred G1 (CIDB) &amp; SPKK</p> <p>RM200,000 hingga RM500,000 - Sekurang-kurangnya lima kontraktor tempatan/daerah Gred G2 (CIDB) &amp; SPKK</p>
Tender	Nilai projek kontrak melebihi RM500,000	Tender adalah tawaran kerajaan kepada kontraktor untuk memberikan harga dan terma terbaik berkaitan sesuatu pembekalan barang, perkhidmatan dan kerja.

\*\*\*

# INTEGRITI

## dalam perolehan kerajaan

Secara umumnya, integriti dalam perolehan kerajaan merangkumi aspek berikut:

### 1. Kerahsiaan maklumat tender

- **Dokumen tender diklasifikasikan sebagai sulit**

Semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender, tawaran tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT.

Dokumen tersebut tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan tender sebelum keputusan muktamad dibuat.

- **Merahsiakan maklumat tender**

Ketua agensi bertanggungjawab menjelaskan keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya.

Perkara ini adalah seperti mana Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

# INTEGRITI

## dalam perolehan kerajaan

Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

## 2. Tanggungjawab mengisytiharkan kepentingan terletak hak

- **Urusan memproses tender**

Mana-mana pegawai yang terlibat dalam memproses sesuatu tender hendaklah memastikan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai tender itu.

Mana-mana pegawai yang mempunyai kepentingan dalam apa-apa cara pun dengan penender hendaklah:

- a. mengisytiharkan kepentingan.
- b. menarik diri daripada menguruskan atau terlibat dalam sebarang proses tender tersebut.

# INTEGRITI

## dalam perolehan kerajaan

- **Keputusan Lembaga Perolehan**

Mana-mana ahli Lembaga Perolehan yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu tender itu, ahli tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri dari perbincangan dan keputusan tender berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan.

Ahli Lembaga Perolehan hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu tender serta bebas daripada pengaruh luar.

### **3. Mencegah perbuatan rasuah dalam perolehan kerajaan**

Pegawai yang terlibat dengan proses perolehan amat berisiko kepada jenayah rasuah.

Bagi membendung perlakuan rasuah dalam perolehan kerajaan, agensi kerajaan dikehendaki memasukkan klausa peringatan mengenai kesalahan rasuah dalam dokumen perolehan kerajaan di peringkat penyediaan dokumen pelawaan tender.

# INTEGRITI

## dalam perolehan kerajaan

Penguatkuasaan perkara ini adalah seperti mana Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 28 Februari 2009.

### **4. Menjaga kepentingan kerajaan**

Pegawai yang terlibat dalam perolehan mesti sentiasa menjaga kepentingan kerajaan. Kerajaan berhak mendapat kerja, pembekalan atau perkhidmatan terbaik daripada perolehan yang dibuat.

Pegawai terbabit dengan proses perolehan tidak boleh melakukan apa-apa tindakan yang boleh menyebabkan kerugian kepada pihak kerajaan.

### **5. Akauntabiliti pegawai yang menguruskan perolehan**

Pegawai terlibat perolehan mesti amanah dan mempunyai rasa tanggungjawab untuk memastikan wang rakyat dibelanja secara berhemah. Mereka mesti dipertanggungjawabkan atas sebarang salah laku dan kesan buruk akibat tindakan mereka.

**SIAPA** YANG BERISIKO  
TERLIBAT DAN  
**BENTUK** RASUAH  
DALAM PEROLEHAN?

---

Berikut disenaraikan  
risiko-risiko rasuah,  
penyelewengan dan  
salah guna kedudukan  
yang boleh berlaku dalam  
setiap proses perolehan.





## Proses Kerja

Penentuan bentuk perolehan kerja, barangan atau perkhidmatan oleh agensi.

Seterusnya, agensi menyediakan spesifikasi dan skop perolehan

---

## Bentuk Rasuah

- Pegawai terlibat menerima rasuah untuk membuat perolehan barang atau perkhidmatan tertentu.
- Pakatan antara pegawai agensi dan kontraktor.
- Perolehan barang atau perkhidmatan yang tidak perlu.
- Pegawai terlibat memecah kecil perolehan dan memberi projek kepada syarikat tertentu.

Fasa  
**proses**  
perolehan

## **Proses Kerja**

Penyediaan dokumen tender oleh agensi.

---

## **Bentuk Rasuah**

- Pegawai terlibat berpakat dengan kontraktor menyediakan spesifikasi.
- Pegawai terlibat menyediakan spesifikasi yang memihak kepada kontraktor tertentu.

Fasa  
**proses**  
perolehan

## Proses Kerja

Pengiklanan tender di akhbar:

- Tender tempatan - tarikh tutup tender sekurang-kurangnya 21 hari.
- Tender antarabangsa - sekurang-kurangnya 56 hari.

---

## Bentuk Rasuah

Pegawai terlibat membantu kontraktor untuk menyediakan tawaran tender kepada agensi.

Fasa  
**proses**  
perolehan

## **Proses Kerja**

Pembukaan dokumen tawaran tender syarikat oleh Jawatankuasa Pembuka Tender. Pengerusi dan ahli jawatankuasa dilantik oleh agensi.

---

## **Bentuk Rasuah**

- Pengerusi atau ahli jawatankuasa (yang menerima rasuah) mensabotaj dokumen tawaran tender daripada kontraktor lain.



## Proses Kerja

Penilaian tawaran oleh:

- Jawatankuasa Teknikal - menilai dalam aspek spesifikasi teknikal
- Jawatankuasa Kewangan - menilai dalam aspek kewangan

---

## Bentuk Rasuah

- Pengerusi atau ahli jawatankuasa yang menerima rasuah menilai tawaran tender secara salah dan berat sebelah.
- Pengerusi atau ahli jawatankuasa yang menerima rasuah memberi penilaian baik kepada kontraktor tertentu, walaupun sebenarnya tidak memenuhi syarat atau kriteria.

## Bentuk Rasuah

---

- Pengerusi atau ahli jawatankuasa terlibat dalam mesyuarat penilaian tender, walaupun ada kepentingan.

Contohnya, ahli keluarga mereka adalah pemilik atau salah seorang pengarah dalam syarikat kontraktor.

Fasa  
**proses**  
perolehan

## Proses Kerja

- Keputusan tender bekalan/ perkhidmatan
- Keputusan oleh agensi - perolehan yang bernilai sehingga RM50 juta (Kementerian) / RM30 juta (Sabah/Sarawak) / RM100 juta (Badan Berkanun) / RM300 juta (syarikat Kerajaan)
- Perolehan yang melebihi nilai di atas akan diputuskan oleh Kementerian Kewangan

## Bentuk Rasuah

---

- Pegawai terlibat meminta dan menerima rasuah untuk memastikan syarikat tertentu dipilih.
- 'Orang tengah' mewakili pegawai tertentu di agensi meminta rasuah kepada syarikat.
- Wujud 'orang tengah' yang kononnya boleh membantu kontraktor mendapat kontrak terbabit.



## Bentuk Rasuah

---

- Pengerusi atau ahli jawatankuasa terlibat dalam mesyuarat tender, walaupun ada kepentingan.

Contohnya, ahli keluarga mereka adalah pemilik atau salah seorang pengarah dalam syarikat kontraktor.

- Individu berpengaruh memberi arahan kepada agensi (*unseen hands*) untuk memilih kontraktor tertentu.

Fasa  
**proses**  
perolehan

## Proses Kerja

Dua bentuk keputusan:

**1. Keputusan bersyarat** seperti mendapatkan penurunan harga, perubahan tempoh bekalan dan lain-lain.

Sekiranya keputusan bersyarat, Surat Niat akan dikeluarkan kepada kontraktor yang dipilih.

Selepas syarat dipenuhi, Surat Setuju Terima akan dikeluarkan kepada kontraktor.

## **2. Keputusan tanpa syarat**

- Surat Setuju Terima akan dikeluarkan kepada kontraktor.

## Bentuk Rasuah

---

Pegawai terlibat berkomplot dengan kontraktor untuk mendapat rundingan harga tertentu.

Fasa  
**proses**  
perolehan

## **Proses Kerja**

Dokumen kontrak ditandatangani oleh agensi dan kontraktor.

---

## **Bentuk Rasuah**

- Pegawai agensi dan kontraktor menyediakan kontrak yang memberi kelebihan kepada pihak tertentu.
- Pegawai agensi menerima rasuah bagi memasukkan klausa tertentu dalam kontrak yang akan menguntungkan kontraktor.



## Proses Kerja

Kontraktor melaksanakan kerja, membuat pembekalan atau perkhidmatan.

---

## Bentuk Rasuah

- Pegawai agensi menerima rasuah untuk menerima pembekalan, kerja atau perkhidmatan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.
- Pegawai agensi memperakukan penerimaan pembekalan yang kurang atau tidak mengikut spesifikasi.



## Proses Kerja

Kontraktor membuat tuntutan bayaran kepada agensi.

---

## Bentuk Rasuah

- Pegawai agensi menerima rasuah untuk:
  - mempercepatkan bayaran.
  - meluluskan bayaran walaupun kerja tidak sempurna atau tidak mengikut spesifikasi.
- Pegawai agensi berpakat dengan kontraktor membuat tuntutan palsu.

# PEROLEHAN KERAJAAN: RASUAH BERLAKU **KERANA...**

1

## **Monopoli kuasa**

Individu tertentu menggunakan kedudukannya dan kuasanya untuk menentukan keputusan dalam proses perolehan. Prosedur kewangan tidak dipatuhi dan tiada mekanisme '*check & balance*'.

2

## **Kuasa budi bicara yang luas**

Budi bicara boleh membuka ruang berlakunya rasuah. Kuasa budi bicara mesti dihadkan kepada keadaan-keadaan tertentu sahaja. Dalam setiap masa, peraturan kewangan dan perolehan mesti dipatuhi.

## PEROLEHAN KERAJAAN: RASUAH BERLAKU **KERANA...**

3

### **Lemah akauntabiliti**

Sekiranya berlaku masalah dalam perolehan, pegawai yang terlibat mesti dipertanggungjawabkan. Kelemahan akauntabiliti menyemai sifat endah tidak endah pegawai terlibat, seterusnya cuai dalam melaksanakan perolehan. Keadaan ini juga menyebabkan pegawai terbabit tidak takut untuk melakukan rasuah.

4

### **Tiada ketelusan dalam proses perolehan**

Ketelusan merupakan elemen penting yang menjamin integriti sesuatu perolehan. Perolehan yang dibuat secara tertutup atau secara 'diam-diam' boleh membuka ruang kepada rasuah.



# PEROLEHAN KERAJAAN: RASUAH BERLAKU **KERANA...**

5

## Masalah **integriti** pegawai perolehan

Integriti pegawai menjadi faktor utama kejayaan atau kegagalan sesuatu perolehan. Integriti pegawai yang akan memastikan perolehan dilaksanakan secara terurus, memberi faedah optimum kepada kerajaan dan tiada penyelewengan.

Sekiranya pegawai yang menguruskan perolehan tiada integriti, rasuah dan penyelewengan pasti berlaku. Walau sebaik mana peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

# IMPAK rasuah dalam perolehan kerajaan

---

*Curbing Corruption in Public Procurement: A Practical Guide* yang diterbitkan oleh Transparency International menjelaskan kesan buruk rasuah dalam perolehan.

Pertubuhan antarabangsa itu menganggarkan, setiap tahun sebanyak USD2 trilion daripada peruntukan negara untuk perolehan awam **HILANG** akibat perbuatan rasuah. Impak lain rasuah adalah seperti berikut.

---

# Impak **kewangan**

---

- Peningkatan kos kepada pembelian, pelaburan dan perkhidmatan.
- Mengurangkan hasil kerajaan daripada aktiviti pelesenan, permit dan konsesi.
- Kualiti barang, kerja dan perkhidmatan rendah, tidak setimpal dengan kos yang telah dikeluarkan.
- Kerajaan menanggung bebanan kewangan yang tidak wajar apabila terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih, tidak perlu dan tidak ekonomik.
- Kerajaan terpaksa mengeluarkan tambahan perbelanjaan untuk memperbaiki barang atau kerja yang berkualiti rendah.
- Pelaburan dan pembelian kerajaan tidak memberi faedah kepada pembangunan negara.

# Impak **persekitaran**

---

- Pelaksanaan projek yang tidak sesuai dan memberi kesan buruk kepada persekitaran.
- Projek tidak mengambil kira standard atau peraturan untuk menjaga alam sekitar. Akibatnya, berlaku pencemaran apabila projek dilaksanakan.
- Penggunaan sumber asli secara salah dan tidak bertanggungjawab.

# Impak ke atas **kesihatan** dan **keselamatan awam**

---

- Pembekalan produk yang *sub-standard* (kualiti rendah) meningkatkan risiko kepada kesihatan dan keselamatan.
- Pembinaan bangunan, jalan dan jabatan yang menggunakan material *sub-standard*, membawa kepada kemalangan jiwa.
- Dana awam yang sepatutnya boleh digunakan untuk meningkatkan perkhidmatan kerajaan dalam kesihatan dan keselamatan diseleweng kerana rasuah.

# Impak terhadap **inovasi**

---

- Rasuah menyebabkan tidak berlaku persaingan secara sihat dalam sesuatu perolehan.

Keadaan ini merugikan kerajaan dalam mendapatkan pembekalan, kerja dan perkhidmatan terbaik pada harga yang kompetitif.

- Rasuah membantutkan pelaburan syarikat dalam inovasi. Perkara ini kerana kualiti dan inovasi produk tidak memberi kelebihan kepada syarikat untuk memperoleh projek kerajaan.

# Menghakis

## kepercayaan rakyat terhadap kerajaan

---

- Perbuatan rasuah oleh pegawai kerajaan dan sikap toleransi mereka terhadap jenayah itu, menggalakkan salah laku dan amalan tidak baik oleh syarikat serta masyarakat amnya.
- Kelemahan integriti dalam proses perolehan mengurangkan kebolehterimaan dan kebolehpercayaan terhadap keputusan yang dibuat kerajaan.

Akibatnya, masyarakat sentiasa ragu-ragu dan tidak percaya kepada kerajaan.

**SUMBER:** *Curbing Corruption in Public Procurement: A Practical Guide, m.s 9-10*





*Bab*  
**2**

Kesalahan

---

**RASUAH**

**DALAM PEROLEHAN**

---

kerajaan

# ASAL PERKATAAN RASUAH

Rasuah berasal daripada bahasa Arab '*risywah*' iaitu kata terbitan daripada kata akar perkataan '*rasya*', '*yarsyu*' dan '*rasywan*' yang membawa maksud sogokan atau pujukan.

## KENALI **RASUAH**

---

Penerimaan atau pemberian suapan (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

---



# *Ilustrasi* **BENTUK**

# RASUAH



## **HADIAH**

A, seorang kontraktor memberi hadiah berbentuk set golf kepada B, pegawai kewangan supaya B mempercepatkan proses bayaran bagi tuntutannya.



## **BONUS**

A, pengarah urusan syarikat berjanji memberikan bonus hujung tahun sebanyak 5 bulan gaji kepada akauntannya, B. Syaratnya, B mesti menyembunyikan penyelewengan wang syarikat yang dilakukan oleh A.

# *Ilustrasi* **BENTUK**

# RASUAH



## **JAWATAN**

CEO sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menawarkan kenaikan pangkat kepada akauntannya supaya tidak bocorkan kegiatannya mencuri duit syarikat.



## **PINJAMAN**

Seorang pembekal memberikan pinjaman wang kepada pegawai pentadbir makmal universiti (yang kesempitan duit) dengan syarat pegawai berkenaan menerima dan memperakui pembekalan peralatan makmal yang tidak sempurna.

# *Ilustrasi* **BENTUK**

# RASUAH



## **PERKHIDMATAN**

A, seorang kontraktor menawarkan rasuah berbentuk khidmat seks GRO kepada B iaitu pengarah perolehan sebuah jabatan. Sebagai balasannya, B akan memastikan A mendapat projek di jabatannya.



## **DISKAUN**

A, pemilik syarikat pengedar kereta mewah memberi diskaun 75% untuk sebuah kereta BMW kepada B, seorang pegawai penguat kuasa. Diskaun melampau ini bertujuan agar B tidak mengambil tindakan terhadap A yang sedang disiasat kerana terlibat dalam aktiviti menjual dadah.

## *Ilustrasi* **BENTUK**

# RASUAH



### **UPAH**

Kontraktor memberi upah kepada seorang kerani kewangan bagi memastikan tuntutananya dapat diuruskan segera.



### **DERMA**

Dato' A adalah Pengarah Bahagian Kewangan di sebuah jabatan. Di luar pejabat, beliau memegang jawatan sebagai pengerusi surau. Dato' A berjanji untuk menawarkan projek kepada sebuah syarikat selepas syarikat tersebut bersetuju memberi sumbangan kepada suraunya.



Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta SPRM 2009), istilah rasuah disebut sebagai **suapan**.

Rasuah tidak hanya melibatkan perbuatan memberi dan menerima suapan sahaja. Akta SPRM 2009 memperuntukkan **empat** kesalahan utama rasuah.

**Meminta/  
Menerima  
Rasuah**

**1**

**Salah Guna  
Kedudukan  
oleh Pegawai  
Awam**

**4**

**AKTA  
SURUHANJAYA  
PENCEGAHAN  
RASUAH  
MALAYSIA 2009**

**2**

**Menawar/  
Memberi  
Rasuah**

**3**

**Membuat  
Tuntutan  
Palsu**

Turut menjadi  
kesalahan adalah  
sebarang  
**percubaan** atau  
**persubahatan**  
untuk  
melakukan kesalahan-  
kesalahan tersebut.

Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009  
Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009  
Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009

---

**MEMINTA  
& MENERIMA  
RASUAH**

---

# MEMINTA DAN MENERIMA RASUAH

Mana-mana orang meminta/  
menerima suapan (rasuah)  
sebagai balasan untuk  
melakukan atau tidak  
melakukan sesuatu perkara.

## *Ilustrasi 1*

Seorang kerani Jabatan Kewangan menerima wang RM500 sebagai upah mempercepatkan bayaran tuntutan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ubah suai pejabat.

## *Ilustrasi 2*

Seorang CEO syarikat berkaitan kerajaan meminta rasuah berbentuk komisen 5% daripada nilai projek daripada seorang kontraktor. Rasuah diminta bagi memastikan kontraktor itu berjaya mendapatkan projek tersebut.

**Menerima rasuah berbentuk tiket kapal terbang ke London**

Pada 12 Januari 2016, Mahkamah Rayuan mengekalkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM15,110 yang dijatuhkan ke atas bekas Pengarah Perbadanan Putrajaya bergelar 'Datuk' atas kesalahan menerima rasuah berupa tiket penerbangan.

Beliau menerima tiket kapal terbang pergi balik dari Kuala Lumpur ke London bernilai RM3,022 daripada seorang kontraktor. Sebagai balasan, beliau memperakukan agar Lembaga Perolehan (B), Kementerian Wilayah Persekutuan menyetujui terima syarikat Kenas Prima Sdn. Bhd. untuk kerja-kerja penyelenggaraan Taman Putra Perdana, Putrajaya dengan harga tender RM3,521,894.48.

Perbuatan itu dilakukan di Hotel KL International antara 4 dan 5 Mei 2005 ketika menyandang jawatan Timbalan Pengarah Bahagian Landskap dan Taman Awam, Bahagian Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 65; Portal SPRM, 2017*

**RM3,022**

nilai tiket

**2 tahun**

penjara



**Suami isteri dipenjarakan kerana terima rasuah berkaitan bekalan TLDM**

Pada 8 Oktober 2015, sepasang suami isteri berjawatan Leftenan Komander di Depot Bekalan Armada TLDM Lumut menghadapi enam pertuduhan rasuah berjumlah RM420,852.85.

Rasuah diterima sebagai upah meluluskan kerja-kerja pembekalan alat ganti dan peralatan kapal bernilai RM1,363,317.95 kepada sebuah syarikat. Pertuduhan dibuat di bawah seksyen 16(a)(B) dan 17(a) Akta SPRM 2009.

Pada 31 Januari 2017, pasangan suami isteri itu menukar pengakuan kepada bersalah, masing-masing atas empat pertuduhan pilihan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Si suami dijatuhkan hukuman penjara sembilan bulan dan denda RM20,000 (atau tiga bulan penjara) bagi setiap pertuduhan. Manakala isterinya dihukum penjara enam bulan dan denda RM10,000 (atau tiga bulan penjara) bagi setiap pertuduhan. Hukuman penjara berjalan serentak.

**SUMBER:** *BH Online, 31 Januari 2017*

**9 bulan**hukuman penjara  
suami**6 bulan**hukuman penjara  
isteri

**Ahli majlis menerima rasuah berkaitan kontrak perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan**

Pada 26 Mei 2009, bekas Ahli Majlis Ampang Jaya dihadapkan di mahkamah atas sembilan pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM193,512 antara 4 Ogos 2006 hingga 3 Mac 2007.

Bayaran rasuah diterima melalui tujuh keping cek dan wang tunai daripada seorang kontraktor. Ia sebagai balasan membantu kontraktor itu mendapatkan tender kerja-kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

**5 tahun**

penjara

**RM977,560**

denda

Pada 28 Disember 2012, bekas Ahli Majlis itu diarahkan menjalani hukuman penjara lima tahun dan denda berjumlah RM977,560 selepas beliau didapati bersalah atas semua pertuduhan. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 71*

## ***Tips*** **SPRM**

### **SOALAN**

Sekiranya saya telah menerima wang rasuah, bolehkah saya membuat aduan kepada SPRM?

### **JAWAPAN**

Menerima atau memberi rasuah, kedua-duanya adalah kesalahan jenayah.

Bagaimanapun, undang-undang akan melindungi orang yang membuat aduan kepada SPRM. Tidak kira sama ada orang itu si pemberi atau si penerima.

Dengan kata lain, jangan takut untuk membuat aduan kepada SPRM walaupun anda telah menerima wang rasuah atau telah memberi wang rasuah. Anda adalah pengadu SPRM dan anda akan dilindungi.

Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009  
Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009  
Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009

---

**MENAWAR  
& MEMBERI  
RASUAH**

---

## **MENAWAR DAN MEMBERI RASUAH**

Mana-mana orang yang menawar/memberi rasuah kepada seorang ejen/pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan hal ehwal ejen/pegawai awam tersebut.



## *Ilustrasi 1*

Pegawai perolehan memberi rasuah kepada pegawai kewangan bagi mempercepatkan pembayaran tuntutan kontraktor, yang merupakan rakan baiknya.

## *Ilustrasi 2*

Kontraktor menawarkan rasuah 10% daripada nilai projek kepada seorang pegawai perolehan.

Amat jarang pegawai yang terlibat dalam perolehan awam melakukan kesalahan ini.

Sebaliknya, mereka amat berisiko untuk **ditawarkan rasuah** oleh syarikat atau kontraktor. Antara tujuan rasuah adalah untuk:

- mendapat projek kerajaan.
- mendapat maklumat mengenai harga siling dan harga pesaing.
- memperakui kerja, barang atau perkhidmatan yang tidak sempurna atau tidak mengikut spesifikasi.
- mempercepatkan bayaran.



# *Peringatan!*

## **TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN**

### **01** **Wajib lapor tawaran/pemberian rasuah**

Mana-mana orang yang dijanji, ditawarkan atau diberi rasuah untuk melakukan sesuatu perkara, wajib melaporkan kepada SPRM.

**GAGAL MELAPOR** - boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

### **02** **Wajib lapor permintaan/penerimaan rasuah**

Mana-mana orang yang diminta atau cuba diperolehi (daripada beliau) suapan, maka wajib lapor kepada SPRM.

**GAGAL MELAPOR** - boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

## **RASUAH** adalah kesalahan **BOLEH TANGKAP**

---

### **Tindakan yang perlu diambil apabila ditawarkan rasuah**

- a. Memberi amaran bahawa perbuatan memberi rasuah adalah satu kesalahan.
- b. Sekiranya, pemberi rasuah masih meneruskan niatnya untuk memberi rasuah, maka tangkapan boleh dibuat.

Rasuah merupakan kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran (*seizable offence*). Perkara ini adalah seperti mana peruntukan seksyen 49(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Seksyen

**15**

Kanun  
Prosedur  
Jenayah

memberi panduan  
bagaimana **tangkapan**  
boleh dibuat seperti  
berikut:

1. Disentuh badannya dan ditahan. Kecuali dia menyerah diri melalui perkataan atau perbuatan.
2. Sekiranya dihalang, sebarang langkah perlu untuk membuat tangkapan boleh digunakan.
3. Bagaimanapun, tidaklah sehingga menyebabkan kematian.

## *Penting!*

Selepas tangkapan dibuat, individu terbabit mesti diserahkan kepada SPRM seberapa segera yang mungkin.

Sebelum bertindak membuat tangkapan, segala aspek keselamatan diri mesti diambil kira.

Hak untuk menangkap mereka yang terlibat rasuah ini **TIDAK BOLEH** disalah guna atau digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Sekiranya tangkapan **TIDAK BOLEH DIBUAT** atau **TIADA KEMAMPUAN** untuk membuat tangkapan, maka ...

- 1.** Wang yang diberi (rasuah) mesti disimpan dan diserahkan kepada SPRM secepat mungkin.
- 2.** Dengan segera melaporkan kepada SPRM mengenai penawaran atau pemberian wang rasuah.
- 3.** Wang tersebut tidak boleh digunakan (dibelanjakan) kerana ia merupakan bukti penting untuk siasatan dan pendakwaan kes tersebut.
- 4.** Paling baik sekiranya ada orang lain turut menyaksikan pemberian wang rasuah. Orang itu penting untuk menjadi saksi kepada SPRM dan semasa kes dibicarakan di mahkamah. Saksi tersebut boleh jadi kawan sepejabat atau lain-lain.

Seksyen 18 Akta SPRM 2009

---

# **TUNTUTAN PALSU**

---

# TUNTUTAN PALSU

Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (contohnya, pesanan kerajaan, resit dan *invoice*) yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk menipu prinsipalnya (pejabat/majikan).



## *Ilustrasi 1*

Pegawai aset jabatan memperakui penerimaan 100 unit kerusi pejabat. Padahal hanya 80 sahaja dibekalkan.

## *Ilustrasi 2*

Kontraktor mengemukakan tuntutan bayaran kemajuan 50%. Padahal, kemajuan pembinaan sebenar hanya 20% sahaja.

**Tuntutan palsu berkaitan PPRT**

Seorang Pembantu Tadbir di Jabatan Perkhidmatan Haiwan Melaka, dituduh di mahkamah pada 18 April 2007 kerana membuat lapan tuntutan palsu berjumlah RM270,650 sekitar tahun 1999.

Tuntutan tersebut adalah berkaitan kerja-kerja pembangunan projek tenusu di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di Merlimau, Jasin dan Masjid Tanah. Padahal, kerja-kerja tersebut tidak pernah dilaksanakan.

Pada 25 Julai 2012, mahkamah mensabitkan pembantu tadbir itu dengan semua pertuduhan. Beliau dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM1,353,250. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 68*

**RM270,650**jumlah tuntutan  
palsu**RM1,353,250**

jumlah denda

## Contoh Kes

## PEROLEHAN PEMBEKALAN

### Bekas dekan membuat perakuan palsu bagi peralatan kesihatan yang lebih murah

Pada 7 Jun 2004, Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi serta pembekal dituduh di mahkamah atas kesalahan membuat dokumen tuntutan palsu kepada Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM).

Sebagai dekan, beliau sengaja memperakukan pembekalan peralatan Multi Joint 2 AP berharga RM138,600 kepada ITM. Padahal, peralatan sebenar yang dihantar adalah Multi Hip yang hanya berharga RM27,965.

Pada 30 Januari 2012, Mahkamah Rayuan mengekalkan hukuman penjara setahun dan didenda RM10,000 ke atas dekan tersebut.  
**SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 65*

**RM138,600**

nilai peralatan  
yang dituntut

**RM27,965**

nilai peralatan  
yang dibekal

**1 tahun**

hukuman penjara

**Pegawai kanan YPM didakwa kerana memperakukan program yang tidak wujud**

Siasatan SPRM telah membongkar kewujudan persepakatan jahat antara Pengurus Bahagian dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dalam membuat tuntutan palsu.

**9 program**  
dituntut pembayaran

**RM304,650**  
nilai tuntutan

**Semua**  
tidak dilaksanakan

Dua pegawai kanan tersebut telah memperakukan sembilan Program Kecemerlangan Ilmu dan Sahsiah Diri Murid untuk Jabatan Pelajaran Perak, sedangkan program tersebut tidak dilaksanakan. Setiap program yang diperakukan bernilai RM33,850 dengan jumlah keseluruhan adalah RM304,650.

Pada 16 April 2012, kedua-duanya dituduh di mahkamah dengan sembilan pertuduhan di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009. Pada 6 September 2013, CEO YPM terbabit mengaku bersalah atas pertuduhan ke atasnya. Beliau dihukum penjara satu hari dan didenda RM300,000.  
**SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 38; Malaysiakini, 6 September 2013*

“**POWER** tends  
to **CORRUPT** and  
absolute power  
corrupt absolutely.”

*John Emerich Edward  
Dalberg Acton (Lord Acton),  
ahli sejarah dan pengkritik  
sosial England (1834-1902)*

Seksyen 23 Akta SPRM 2009

---

**SALAH  
GUNA  
KEDUDUKAN**

---

## **SALAH GUNA KEDUDUKAN OLEH PEGAWAI AWAM**

Kesalahan ini hanya melibatkan pegawai awam seperti mana yang ditetapkan oleh Akta SPRM 2009.

Kesalahan berlaku apabila seseorang pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.





## *Ilustrasi 1*

YDP sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) meluluskan projek pembinaan rumah kos rendah kepada syarikat yang dimiliki isterinya.

## *Ilustrasi 2*

Pegawai Bahagian Kewangan dan Pengurusan mencadangkan syarikat abangnya untuk membekalkan peralatan pejabat kepada jabatannya.

**Pengetua sekolah agama dituduh salah guna kuasa lebih RM1 juta**

Pada 15 Oktober 2012, seorang pengetua sekolah agama dihadapkan ke mahkamah dengan 14 pertuduhan menyalahgunakan kuasa untuk mendapatkan suapan berjumlah RM1,120,462.40 bagi syarikat milik isterinya.

**14**  
pertuduhan

**14**  
baucer dan cek  
ditandatangani

**Zaleha Ent.**  
syarikat milik  
isterinya

Tertuduh didakwa mengarahkan kakitangan dan guru sekolah tersebut untuk mengeluarkan 14 baucar dan 14 cek Maybank Islamic yang ditandatangani sendiri bagi membuat bayaran kerja membekal makanan di asrama sekolah kepada Zaleha Enterprise yang merupakan syarikat milik isterinya. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 51*

**Pensyarah suami isteri bersalah salah guna kedudukan**

Pada 9 Januari 2017, sepasang suami isteri yang bertugas sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Padang Terap didapati bersalah kerana kesalahan salah guna kedudukan.

Si isteri telah menyalah guna kedudukannya apabila menyediakan Pesanan Kerajaan bernombor P12000029 bagi pembekalan alat-alat ganti kelengkapan elektrik yang bernilai RM34,250.25 oleh Syarikat RHA Sepakat Enterprise yang sebenarnya dimiliki oleh adiknya sendiri.

Suaminya pula telah menyalah guna kedudukannya apabila memperakui Pesanan Kerajaan tersebut, walaupun mengetahui Syarikat RHA Sepakat Enterprise adalah milik adik iparnya.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM170,251.25 (atau enam bulan penjara jika denda gagal dibayar) kepada suami. Manakala, isterinya dikehendaki berkelakuan baik selama tiga tahun dengan seorang penjamin. **SUMBER:** *BH Online, 9 Januari 2017*

**Isteri**sedia Pesanan  
Kerajaan**Suami**perakukan  
pembekalan

## Contoh Kes

## PEROLEHAN PERKHIDMATAN

### Lulus syarikat menantu dan anak saudara, Pengarah Urusan TEKUN didakwa

Pada 26 November 2015, Pengarah Urusan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN) dihadapkan ke mahkamah atas dua pertuduhan rasuah membabitkan nilai RM200,000.

**RM100,000**

pinjaman kepada syarikat menantu

Beliau didakwa menyalah guna kedudukannya untuk meluluskan permohonan pinjaman program perintis berjumlah RM100,000 kepada syarikat Dynamind Enterprise yang dimiliki oleh menantu beliau.

**RM100,000**

pinjaman kepada syarikat anak saudara

Beliau juga didakwa menyalah guna kedudukannya dengan meluluskan permohonan pinjaman RM100,000 bagi program yang sama kepada syarikat Dynamind Enterprise, walaupun mengetahui seorang anak saudaranya adalah rakan kongsi dalam syarikat tersebut. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2015, m.s 73*

Terlibat **RASUAH**

---

**Kesan** seumur hidup

---

# AKIBAT RASUAH



## **Didakwa di mahkamah**

Individu yang terlibat boleh didakwa di mahkamah atas kesalahan rasuah dan kesalahan lain yang berkaitan.

Apabila didakwa di mahkamah, seseorang itu bukan sahaja memerlukan wang yang banyak untuk melantik peguam. Malah, membabitkan maruah diri dan keluarga.

# 2

## AKIBAT RASUAH

### **Penjara & denda**

Jika didapati bersalah, seksyen 24 Akta SPRM 2009 menetapkan hukuman seperti berikut:

1. Penjara tidak lebih 20 tahun; DAN
2. Lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

Bagi penjawat awam, hukuman penjara boleh menyebabkan mereka kehilangan pekerjaan dan jawatan yang disandang.

## AKIBAT RASUAH



### Harta dirampas

Harta atau aset yang diperoleh hasil daripada perlakuan rasuah akan disita dan dilucut hak.

### Contoh kes 1

---

Pada 8 Mac 2016, SPRM menahan Setiausaha Bahagian, disyaki mendalangi sindiket menyeleweng dana kerajaan berjumlah RM107 juta.

SPRM turut menyita:

**69 akaun** bernilai RM8.33 juta; rumah; **12** kereta mewah; **jam** berjenama Richard Mille bernilai RM400,000; **40** beg tangan termasuk berjenama Hermes yang bernilai RM400,000; **set cadar** mewah bernilai RM300,000; dan **cincin** mutiara Cartier bernilai RM600,000.

**SUMBER:** *Malaymail Online, 20 Mac 2016*



## Contoh kes 2

---

Dalam kes Jabatan Air Negeri Sabah, pada 5 Oktober 2016, SPRM menyita aset berjumlah keseluruhan RM180 juta.

Aset tersebut terdiri daripada wang tunai berjumlah **RM52.2 juta**; simpanan bank (**RM62 juta**); barang kemas (**14 kilogram**); beg tangan berjenama (**98**); kenderaan mewah (**9**); dan tanah (**127 bidang**).

**SUMBER:** *BH Online, 28 Disember 2016*

## Contoh kes 3

---

Pada 19 April 2017, seorang Exco Negeri didakwa di mahkamah dengan 33 pertuduhan rasuah membabitkan isu hartanah, melibatkan lebih RM30 juta.

Dalam kes tersebut, SPRM telah menyita **21** buah kereta mewah, lima motosikal berkuasa tinggi, **150** beg tangan dan membekukan **45** akaun bank. **SUMBER:** *Utusan Online, 10 Mac 2017; Star Online, 19 April 2017*


## AKIBAT RASUAH



### **Kesalahan pengubahan wang haram**

Kesalahan rasuah dikategorikan sebagai kesalahan berat. Sebarang transaksi pembelian atau pelaburan dengan menggunakan hasil rasuah merupakan jenayah pengubahan wang haram dan boleh dihukum di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Jika disabitkan kesalahan, boleh **dipenjara** tidak lebih 15 tahun; dan boleh **didenda** lima kali nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.



**Ilustrasi  
jenayah pengubahan wang haram**

## AKIBAT RASUAH



### **Identiti pesalah dihebahkan**

Identiti pesalah rasuah akan disiarkan di Pangkalan Data Pesalah Rasuah yang boleh diakses di portal rasmi SPRM selama tiga tahun.

Alamat portal rasmi SPRM adalah ***www.sprm.gov.my***

Selain itu, maklumat pesalah rasuah akan didaftarkan di Bahagian Pendaftaran Rekod Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

## ***Tips*** **SPRM**

### **SOALAN**

Anda **terlibat** dalam proses tender atau sebut harga di jabatan anda. Sekiranya salah sebuah syarikat yang mengemukakan dokumen tender atau sebut harga adalah **syarikat saudara** anda, apa perlu anda lakukan?

### **JAWAPAN**

Sekiranya perkara di atas berlaku, anda perlu:

- mengisytiharkan perkara itu kepada ahli mesyuarat.
- keluar daripada mesyuarat.
- Tindakan isytihar dan keluar daripada mesyuarat perlu direkodkan dalam minit mesyuarat.
- tidak terlibat dalam sebarang proses tender atau sebut harga.
- tidak boleh melobi agar syarikat tertentu dipilih.



*Bab*  
**3**

Laporan

---

**KETUA AUDIT  
NEGARA**

---

& peranan SPRM

## *Laporan* **KETUA AUDIT NEGARA**

Pelbagai bentuk penyelewengan dalam perolehan kerajaan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Apakah yang dimaksudkan dengan LKAN?

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 9(1) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya LKAN akan dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri.

Setelah dibentangkan, LKAN akan menjadi dokumen awam.

LKAN pada umumnya melaporkan pengurusan hal ehwal kewangan agensi kerajaan dan pelaksanaan aktiviti atau projek kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

***Segala kelemahan dan ketidakpatuhan oleh agensi awam didedahkan. LKAN turut menjelaskan punca kelemahan dan mencadangkan syor penambahbaikan.***

Selain itu, LKAN juga akan memaklumkan mengenai inisiatif positif dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh agensi awam terbabit selepas pemerhatian audit dibuat.



## *Pembentangan* **LKAN**

Sebelum tahun 2013, LKAN Mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri dibentangkan sekali setahun.

***Mulai tahun 2013, LKAN perlu  
dibentangkan setiap kali Parlimen  
bersidang atau sekurang-kurangnya  
tiga kali setahun.***

Perkara ini seperti mana ditetapkan dalam Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 - Membanteras Rasuah.

Langkah ini bertujuan agar tindakan segera dapat diambil terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN.

## *Skep* **AUDIT**

Pengauditan Jabatan Audit Negara dibuat terhadap:

**26**

kementerian

**96**

jabatan  
persekutuan

**13**

kerajaan  
negeri

**120**

penyata  
kewangan

**12**

kumpulan  
wang badan  
berkanun  
persekutuan

**124**

badan  
berkanun  
negeri

**144**

pihak  
berkuasa  
tempatan

**15**

majlis agama  
Islam

**496**

syarikat  
kerajaan

Akaun  
Amanah

Kumpulan  
Wang  
Amanah

## *Sijil* **KETUA AUDIT NEGARA**

Selepas proses audit oleh Jabatan Audit Negara, satu sijil akan dikeluarkan kepada agensi yang diaudit. Jenis sijil adalah seperti berikut:

***Sijil Tanpa Teguran*** - Penyata Kewangan telah disediakan dan dipersembahkan mengikut piawai yang diterima pakai, diamalkan secara konsisten, seragam serta pendedahan yang mencukupi.

***Sijil Berteguran*** - Perkara material yang boleh menjelaskan kesaksamaan penyata kewangan daripada aspek prinsip perakaunan yang digunakan, konsistensi atau had disebabkan kekangan skop pengauditan.

***Sijil Bertentangan*** - Penyata kewangan tidak menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama atau tidak mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum. Kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap penyata kewangan dan pendapat berteguran tidak memadai untuk mendedahkan kekeliruan atau penyata kewangan tidak sempurna.

***Sijil Penafian*** - Kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop pengauditan adalah material dan menyeluruh di mana bukti tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan.

## Teguran **AUDIT**

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mempunyai dua bentuk teguran iaitu:

- 1. teguran punitif** (*punitive*) yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas; dan
- 2. teguran pembetulan** (*corrective*) yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur.

Contohnya, LKAN 2014 Siri 3 mempunyai 708 teguran iaitu 26 teguran punitif dan 682 teguran pembetulan.

Isu-isu yang menjadi kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 akan dirujuk kepada SPRM untuk siasatan lanjut.

## *Peranan* **SPRM**

SPRM sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang dibentangkan di Parlimen.

Tindakan SPRM hanya melibatkan perkara yang menjadi kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

### **Kerjasama SPRM - Jabatan Audit Negara**

SPRM mempunyai hubungan kerjasama yang amat rapat dengan Jabatan Audit Negara. Kerjasama ini merangkumi:

- Perkongsian maklumat antara kedua-dua agensi
- Mengesan dan menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009

### ***Audit Exit Conference***

Selepas proses audit dijalankan terhadap sesuatu agensi, *Audit Exit Conference* akan diadakan bagi memaklumkan penemuan, penilaian, kesimpulan dan syor audit.

Setiap kali diadakan *Audit Exit Conference* dengan ketua agensi, pegawai SPRM akan dijemput untuk hadir bersama.

### ***Action Committee on the AG Report***

Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan, Polis Diraja Malaysia, SPRM dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pertukaran silang pegawai SPRM dan Jabatan Audit Negara - Pegawai SPRM ditempatkan di Jabatan Audit Negara membolehkan kes-kes rasuah yang dikesan melalui proses audit dapat diambil tindakan segera.

*Statistik*  
**tindakan SPRM ke atas LKAN**

<b>LKAN</b>	<b>Kertas Siasatan</b>	<b>Tuduh</b>	<b>Laporan SPRM</b>
2006	126	16	9
2007	9	0	0
2008	15	3	4
2009	17	0	0
2010	11	0	5
2011	26	4	7
2012	20	1	7
2013	4	1	0
2014	7	0	4
2015	4	2	2
2016	7	2	2
2017	1	4	4
2018	0	0	0
2019	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>247</b>	<b>33</b>	<b>44</b>

**SUMBER:** *Bahagian Siasatan SPRM  
(sehingga 30 September 2020)*





*Bab*  
**4**

Isu-isu  

---

**LAZIM**

---

perolehan kerajaan

Di dalam bab ini, dijelaskan beberapa isu utama yang sering berlaku dalam perolehan kerajaan.

Isu-isu ini berpunca sama ada disebabkan salah urus perolehan, kecuaiian pegawai, kesilapan dalam pembekalan, rasuah, penyelewengan dan salah guna kedudukan.

**Perhatian serius mesti diberi sekiranya isu-isu ini masih berlaku. Besar kemungkinan, ia bukan berpunca daripada kecuaiian manusia. Tetapi akibat daripada jenayah rasuah atau penyelewengan oleh individu yang tidak bertanggungjawab.**

**AWAS!!!**

# 1

## Perolehan pada harga **tidak munasabah**

Sesetengah harga barang atau perkhidmatan dinaikkan harganya bagi menampung kos-kos lain yang tidak dinyatakan dalam tender atau pesanan kerajaan. Ada juga yang memasukkan pembelian barang atau perkhidmatan tambahan lain.

Terdapat juga kemungkinan harga barang atau perkhidmatan dinaikkan bagi menampung kos bayaran rasuah kepada pihak tertentu.

## Contoh Kes 1

Laporan Ketua Audit Negara 2012 mendedahkan, perolehan yang dibuat oleh RTM seperti berikut.

### **3,710% lebih mahal**

RTM membelanjakan **RM3,810** bagi seunit jam dinding. Sedangkan anggaran harga pasaran hanya **RM100** seunit. Perolehan 20 unit jam tersebut berjumlah RM76,200.

### **7,235% lebih mahal**

Mesin pengimbas bersaiz A4 dibeli pada harga **RM14,670** seunit. Sedangkan anggaran harga pasaran hanya **RM200** seunit. Tiga unit dibeli dengan jumlah keseluruhan RM44,010.

### **1,963% lebih mahal**

Mesin pengimbas A3 dibeli pada harga **RM20,630** seunit. Sedangkan anggaran harga pasaran adalah **RM1,000** seunit. Lima unit dibeli dengan jumlah keseluruhan RM103,150.

**SUMBER:** *LKAN 2012 Siri 2, m.s 423*

## Contoh Kes 2

Laporan Ketua Audit Negara 2010 mendedahkan, perolehan pada harga tidak munasabah oleh Jabatan Taman Laut Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar seperti berikut.

### **2,805% lebih mahal**

Pembelian Marine Binocular pada harga RM56,350 berbanding harga pasaran RM1,940.

### **1,893% lebih mahal**

Pembelian Bushnell Binocular pada harga RM56,350 berbanding harga pasaran RM2,827.

### **638% lebih mahal**

Pembelian LCD TV dan DVD player pada harga RM16,100 berbanding harga pasaran RM2,182.

### **478% lebih mahal**

Pembelian radar x-band pada harga RM47,725 berbanding harga pasaran RM8,255.

### **246% lebih mahal**

Pembelian laptop dan pencetak pada harga RM11,845 berbanding harga pasaran RM3,428.

**SUMBER:** LKAN 2010, m.s 166

# Bagaimana menangani?

- 1.** Pegawai yang menguruskan perolehan wajib membuat kajian pasaran. Perkara ini selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 169.1.
- 2.** Kajian pasaran dibuat melalui:
  - sumber terbuka (*on-line*)
  - harga daripada beberapa pembekal
- 3.** Agensi mesti menyediakan Jadual Kadar Harga yang menyenaraikan anggaran harga pasaran bagi setiap barang, kerja atau perkhidmatan.
- 4.** Bagi kontrak yang mempunyai banyak item, harga setiap item perlu disemak serta terperinci.

Pastikan tiada item dibeli pada harga yang tidak munasabah (*over-charge*).

# 2

## Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi

Pembekal wajib menghantar barang atau memberi perkhidmatan sebagai mana kontrak kerajaan.

Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi berlaku apabila:

- kontraktor cuba mendapat untung lebih dengan membekalkan barang atau perkhidmatan yang berkualiti rendah.
- wujud rundingan sulit antara pegawai perolehan dan kontraktor. Keuntungan akan dikongsi dengan pegawai perolehan terbabit.
- Akibat kecuaiannya pegawai penerima yang tidak membuat semakan semasa pembekalan barang atau perkhidmatan.

Terdapat juga insiden di mana pegawai perolehan membuat kesilapan semasa menyediakan spesifikasi. Akibatnya, barang yang dihantar tidak dapat digunakan. Malah terpaksa dilupuskan.

## Contoh Kes 1

---

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2010, Majlis Sukan Negara (MSN) membeli 23 ekor kuda baka khas untuk sebuah pertandingan dengan harga RM5.66 juta.

---

Walau bagaimanapun, hanya lima ekor sahaja lulus untuk menyertai pertandingan. Manakala, **18 ekor** lagi tidak melepasi piawaian Federation Equestre International. **SUMBER:** *LKAN 2010, m.s 54-57; Malaysiakini, 24 Oktober 2011*

## Contoh Kes 2

---

Laporan Ketua Audit Negara 2012 mendedahkan perolehan kasut yang tidak mengikut spesifikasi oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

---

Agensi tersebut mengalami kerugian sebanyak RM602,089 kerana terpaksa melupuskan **7,659** pasang kasut berikutan saiz yang tidak menepati keperluan pegawai dan terdapat kerosakan pada kasut-kasut tersebut.



Dikatakan berlaku kesilapan spesifikasi semasa perolehan dibuat. **SUMBER:** *LKAN 2012 Siri 2, m.s 78; Sinar Online, 3 Oktober 2013*

### Contoh Kes 3

Pegawai perolehan didakwa di mahkamah kerana memperakukan pembekalan yang tidak betul.

Bekas Penolong Kanan sebuah agensi dituduh di mahkamah setelah memperakukan pembekalan 40 unit **kamera SLR** berharga RM9,000 seunit yang kesemuanya berjumlah RM360,000 daripada sebuah syarikat.

Bagaimanapun, jenis sebenar kamera yang dibekalkan adalah **kamera digital** Sony DSC-H5 berharga RM6,000 seunit dan jumlah keseluruhannya adalah RM240,000. Pegawai berkenaan dituduh mengikut seksyen 11(c) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

**SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 51*

## Contoh Kes 4

Laporan Ketua Audit Negara 2010 mendedahkan perolehan yang tidak mengikut spesifikasi oleh Jabatan Taman Laut Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**RUGI**  
**RM5,396**

Perolehan enjin bot aluminium **4 stroke** berharga RM11,553. Kontraktor membekalkan enjin **2 stroke** berharga RM6,549.

**RUGI**  
**RM4,855**

Perolehan dapur berjenama **Electrolux** berharga RM6,955. Kontraktor membekalkan dapur berjenama **TAIYO** berharga RM2,110.

**RUGI**  
**RM15,905**

Perolehan LCD TV dan DVD Player jenama **Toshiba** berharga RM16,100. Kontraktor membekalkan jenama **Philips** yang berharga RM195.

**RUGI**  
**RM4,025**

Perolehan GPS jenama **SAMYUNG** berharga RM5,080. Kontraktor membekalkan jenama **FURONO** berharga RM1,055

**RUGI**  
**RM5,110**

Perolehan CCTV jenama **PARADOX**, berharga RM5,750. Kontraktor membekalkan jenama **Belco** berharga RM640.

**RUGI**  
**RM9,808**

Perolehan laptop Acer **Aspire** dan pencetak **HP CP1518** berharga RM11,945. Kontraktor membekalkan, laptop Acer **Travelmate** dan pencetak jenama **Canon Pixma** berharga RM2,137.

**SUMBER:** *LKAN 2010, m.s 173*

## Bagaimana **menangani?**

- 1.** Membuat tuntutan secara salah bagi pembekalan barang yang tidak mengikut spesifikasi adalah satu kesalahan jenayah di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009.
- 2.** Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi wajib dilaporkan kepada SPRM.
- 3.** Agensi yang membuat perolehan, mesti menetapkan spesifikasi barang/peralatan yang sesuai dengan keperluan. Perkara ini bertujuan memastikan barang/peralatan dapat digunakan.
- 4.** Semasa menyediakan spesifikasi, harus diingat bahawa spesifikasi mungkin berbeza antara satu negara dengan negara lain.

Contoh, ukuran standard saiz kasut di Malaysia adalah berbeza berbanding Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, agensi mesti menyatakan secara jelas, saiz tersebut adalah mengikut standard Malaysia atau Amerika Syarikat.

## Bagaimana **menangani?**

- 5.** Pegawai yang menguruskan perolehan dan pegawai yang menerima mesti orang yang berbeza.
- 6.** Pegawai yang bertanggungjawab untuk menerima barang/peralatan, mesti dibekalkan spesifikasi barang.

Dengan kata lain, pegawai yang menerima mesti tahu spesifikasi barang/peralatan yang dibekalkan.

- 7.** Pegawai yang menerima barang/peralatan wajib pastikan barang yang diterima mengikut spesifikasi yang diminta.
- 8.** Setiap penerimaan mesti direkodkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset Alih (KEW. PA-1)
- 9.** Sekiranya pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi itu kerana kesilapan atau salah faham (tiada niat jahat), barang tersebut mesti dipulangkan kepada pembekal.

“Sesiapa yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan **TANGANNYA**, jika tidak mampu, maka ubahlah dengan **LISANNYA**, jika tidak mampu, maka (tolaklah) dengan **HATINYA**, dan hal tersebut adalah selemah-lemah iman.”

*Riwayat Muslim*

# 3

## Improper payment

*Improper payment* bermaksud pembayaran dibuat kepada kontraktor atau pembekal tanpa mengikut tatacara kewangan yang betul.

Salah satu bentuk *improper payment* adalah membuat pembayaran kepada kontraktor walaupun perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak sempurna.

Tidak sempurna bermaksud perolehan tidak dibuat langsung atau hanya sebahagian sahaja dilaksanakan.

Berhati-hati ketika penghujung tahun. Kemungkinan berlaku pembayaran kepada kontraktor, walaupun pembekalan belum dibuat. Ini kerana, agensi cuba mengelakkan pembayaran menggunakan peruntukan tahun berikutnya seperti mana Arahan Perbendaharaan 58 (AP58).

## Contoh Kes 1

---

Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 berkaitan pengurusan perolehan peralatan dan mesin roti di Jabatan Penjara Malaysia

---

Berdasarkan kontrak, pihak pembekal perlu membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah peralatan dan mesin roti.

Semakan audit mendapati pihak pembekal telah menghantar kesemua peralatan dan mesin roti ke lima institusi penjara yang ditetapkan.

Oleh kerana **bengkel roti masih belum dibina atau diubah suai**, pihak pembekal tidak dapat memasang, menguji dan mentauliah peralatan dan mesin roti yang dihantar.

Walau bagaimanapun, bayaran penuh telah dibuat kepada pembekal oleh kelima-lima institusi penjara tersebut.



## Contoh Kes 2

---

Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 1 mendapati kelemahan pengurusan perolehan oleh Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)

---

Semakan di MPKu mendapati tiga perolehan sebut harga bernilai RM1.31 jua berkaitan kerja-kerja landskap telah dibayar bersekali dengan kerja-kerja penyelenggaraan yang belum dilaksanakan sepenuhnya.

**SUMBER (1) & (2):** *Susulan Audit Menurut Perspektif Jabatan Audit Negara Malaysia, m.s 34-35*

## Bagaimana **menangani?**

- 1.** Pembayaran dibuat walaupun tiada pembekalan termasuk dalam kesalahan membuat tuntutan palsu. Perkara ini seperti mana seksyen 18 Akta SPRM 2009.
- 2.** Agensi mesti merancang perolehan yang akan dibuat. Elakkan perolehan di saat-saat akhir iaitu di penghujung tahun.
- 3.** Sekiranya, kontraktor tidak mampu membuat pembekalan, bayaran tidak boleh dibuat.
- 4.** Jangan membuat janji dengan kontraktor seperti “kita bayar dulu, barang hantar kemudian”. Risikonya amat besar.
- 5.** Patuhi sepenuhnya kontrak dalam urusan membuat pembayaran. Jangan jadikan AP58 sebagai alasan untuk membuat pembayaran bagi perolehan yang tidak sempurna.

# 4

## Isu orang tengah dalam perolehan

‘Orang tengah’ boleh terdiri daripada individu, syarikat atau pertubuhan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

‘Orang tengah’ yang sering menimbulkan masalah adalah individu-individu yang menggunakan hubungan rapat dengan mereka yang mempunyai kedudukan untuk faedah diri sendiri.

‘Orang tengah’ ini boleh jadi pegawai khas, setiausaha sulit, setiausaha politik, atau kenalan kepada mana-mana menteri, ketua jabatan, pegawai yang terlibat perolehan dan sebagainya.

## Contoh Kes 1

---

Setiausaha Sulit Menteri menjadi 'orang tengah' dan meminta rasuah

---

SPRM menerima maklumat berkaitan mantan Setiausaha Sulit kepada seorang menteri yang dipercayai telah menggunakan kedudukannya untuk meminta wang rasuah dalam bentuk komisen daripada kontraktor-kontraktor yang memohon projek di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

**Mantan Setiausaha Sulit itu  
dipercayai menjadi 'orang tengah'  
kepada syarikat-syarikat yang ingin  
memperoleh projek-projek kerajaan.**

Siasatan mendapati, kontraktor akan membuat bayaran rasuah sebanyak 1% apabila surat kelulusan MOF telah dikeluarkan. Sejumlah 2% akan dibayar apabila surat niat telah dikeluarkan dan 2% lagi apabila kontraktor telah menerima surat tawaran daripada MOF.

Pemeriksaan di rumah mantan Setiausaha Sulit itu membawa kepada penemuan wang tunai berjumlah RM2,134,656. Wang tersebut dipercayai hasil daripada aktiviti rasuah yang dilakukannya.

SPRM juga menyita sebuah rumah banglo dan sebuah rumah kedai bernilai RM4.6 juta yang dimiliki oleh syarikat proksinya.

Pada 10 Februari 2011, mantan Setiausaha Sulit tersebut dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth dengan 28 pertuduhan di bawah seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613). **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2011*, m.s 50

## Contoh Kes 2

Pegawai SKMM dan isteri dituduh meminta dan menerima wang rasuah RM250,000

Siasatan bermula dengan tohmahan yang menyatakan terdapat perlakuan rasuah dan penipuan dalam tender projek mereka bentuk, melaksana, menguji dan pentauliahan makmal forensik digital Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

**SPRM mendapati, isteri kepada seorang pegawai kanan SKMM bertindak sebagai ‘orang tengah’ antara kontraktor dengan suaminya.**

Timbalan Pengarah Bahagian Kandungan dan Penguat Kuasa SKMM didapati telah bersubahat dengan isterinya iaitu Pengurus Akaun Strategik Comintel Sdn. Bhd. untuk menipu dan seterusnya meminta rasuah sebanyak RM250,000 daripada Ketua Pegawai Operasi syarikat Siaga Informatics Sdn. Bhd.

Rasuah tersebut adalah sebagai balasan membantu syarikat Siaga Informatics Sdn. Bhd. memperoleh surat penganugerahan bagi tender projek mereka bentuk, melaksana, menguji dan pentauliahahan Makmal Forensik Digital SKMM.

Pada 9 April 2012, suami isteri tersebut dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam di bawah seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Mereka juga dituduh atas pertuduhan pilihan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu menipu Ketua Pegawai Operasi syarikat Siaga Informatics Sdn. Bhd. dengan mengatakan surat tawaran bagi tender tersebut telah diperoleh hasil bantuan mereka sehingga mendorong beliau menyerahkan wang tunai RM250,000. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 40*

## Bagaimana **menangani?**

- 1.** Pegawai perolehan dinasihatkan tidak menggunakan 'orang tengah' dalam sesuatu perolehan.
- 2.** Memberi ingatan kepada kontraktor/pembekal agar tidak berurusan melalui 'orang tengah'.
- 3.** Laporkan kepada SPRM sekiranya mempunyai maklumat mengenai 'orang tengah' yang cuba meminta rasuah daripada kontraktor/pembekal.
- 4.** Sekiranya ada keperluan berurusan dengan 'orang tengah', pastikan 'orang tengah' terbabit mempunyai pelantikan atau pemberian kuasa yang sah.

Contohnya, dalam kes tukar hak milik tanah, surat kuasa yang sah membolehkan 'orang tengah' berurusan dengan pejabat tanah.



Amalan ini bermaksud memecahkecilkan perolehan bagi item yang sama kepada beberapa perolehan lain.

Taktik pecah kecil digunakan supaya sesuatu perolehan itu boleh dibuat secara pembelian terus, sekaligus mengelak daripada menggunakan kaedah sebut harga atau tender.

Contoh perolehan secara pecah kecil adalah:

- Perolehan peralatan ICT, dimana 'diasingkan' perolehan *software* dan *hardware*.
- Pembinaan jalan bertar yang dipecah kecil mengikut jarak. Contohnya, jalan bertar sepanjang 10 kilometer diberikan kepada lima kontraktor, iaitu setiap kontraktor akan membina dua kilometer jalan bertar.

Amalan pecah kecil menyebabkan perolehan dibuat secara tidak telus; pembekalan atau kerja diberikan kepada kontraktor tertentu sahaja; dan boleh menyebabkan harga perolehan dimanipulasi.

## Contoh Kes 1

---

Pecah kecil dalam perolehan alat ganti kapal

---

Sekitar Mac 2015, SPRM melancarkan 'Ops Sealord' berkaitan aktiviti rasuah dan penyelewengan di Depot Bekalan Armada (DBA), Tentera Laut Diraja Malaysia.

Hasil operasi tersebut, seramai 16 individu ditangkap dan 240 akaun bank bernilai RM23 juta dibekukan. Selain itu, 13 buah kenderaan mewah termasuk Lamborghini, BMW, Mercedes Benz dan Audi juga disita.

Susulan itu, lima pegawai TLDM dituduh menerima rasuah berjumlah RM420,852.85 bagi meluluskan kerja-kerja pembekalan alat ganti kapal kepada syarikat-syarikat tertentu.

**Hasil pemeriksaan SPRM terhadap sistem dan prosedur di DBA, antaranya mendapati, proses perolehan bagi alat ganti kapal dimanipulasi agar dibuat secara pecah kecil.**

Ia bertujuan, perolehan dapat dibuat tanpa melalui proses tender atau sebut harga. Dengan memecah kecil perolehan, pelantikan syarikat tertentu boleh dibuat secara pembelian terus.

**SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2015, m.s 104*

## Contoh Kes 2

---

FRIM ditegur guna taktik pecah kecil perolehan

---

PETALING JAYA: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) ditegur kerana gagal mematuhi prosedur perolehan bekalan dan perkhidmatan apabila menggunakan taktik memecahkecilkan jenis item yang sama dalam perolehannya.

Langkah itu digunakan supaya FRIM mendapatkan perolehan secara pembelian terus, sekaligus mengelak daripada menggunakan sistem sebut harga dan tender.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2014, perolehan FRIM berjumlah RM737,285 bagi empat jenis item dan membabitkan empat pembekal yang sama melalui kaedah 'pecah kecil'.

“Semakan audit mendapati perolehan bekalan dan perkhidmatan daripada pembekal sama juga bagi jenis item yang sama telah dipecah kecil. Perolehan bagi jenis item berikut dibuat secara pembelian terus melebihi had iaitu membekal tenaga kerja berjumlah RM342,668 bagi 2012 sehingga 2014.

“Selain itu, pembelian terus membabitkan perolehan kawalan keselamatan mencecah RM250,431 bagi 2012 dan 2013, pembekalan peralatan telefon berjumlah RM72,186 bagi 2014 dan penyewaan kereta sebanyak RM72,000 pada 2014,” kata laporan berkenaan.

**SUMBER:** *MStar, 6 April 2015*

## Bagaimana **menangani?**

- 1.** Pegawai perolehan mesti mematuhi larangan untuk memecah kecil perolehan seperti mana perkara 1(iii) Larangan Pecah Kecil, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013 - Kaedah Perolehan Kerajaan.
- 2.** Perolehan secara pecah kecil boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
- 3.** Antara keadaan yang membolehkan perolehan secara pecah kecil dibuat (dengan kelulusan MOF) adalah perolehan yang perlu dilaksanakan segera.
- 4.** Contohnya, pembaikan jalan yang rosak selepas banjir di lokasi berbeza. MOF boleh meluluskan pecah kecil, bagi membolehkan kerja dapat disiapkan segera demi kebaikan rakyat.

# 6

## Salah urus aset kerajaan

Pengurusan aset kerajaan yang tidak baik termasuklah:

- Menggunakan aset kerajaan untuk kegunaan sendiri
- Tidak menyelenggara aset kerajaan seperti mana ditetapkan
- Tiada rekod penerimaan dan simpanan aset kerajaan
- Menghilangkan aset kerajaan

## Contoh Kes 1

---

### Kehilangan aset keselamatan negara

---

Laporan Ketua Audit Negara 2012 mendedahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kehilangan aset berjumlah RM1.33 juta, antaranya gari, senjata api dan kenderaan sekitar tahun 2010 hingga 2012.

**Dalam tempoh itu, PDRM kehilangan 156 unit gari, 44 unit senjata api dan 29 unit kenderaan.**

Laporan itu juga mendapati kelemahan dalam pengurusan kehilangan aset di Ibu Pejabat PDRM dan tiga ibu pejabat polis kontinjen yang disemak iaitu di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

**SUMBER:** *LKAN 2012 Siri 2, m.s 585; Astro Awani, 1 Oktober 2013*



## Contoh Kes 2

---

Pakar patologi didakwa rasuah, melibatkan diri dalam perniagaan dan salah guna harta kerajaan

---

Ketua Makmal Patologi Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM) berjawatan 'Kolonel' dan pemilik syarikat pembekalan ubat ditangkap SPRM kerana penyelewengan dalam pembelian ubat bernilai hampir RM6 juta.

Pada 11 September 2013, Kolonel tersebut didakwa menerima rasuah RM700,000. Beliau sekali lagi didakwa pada 9 Disember 2013 di bawah seksyen 168 Kanun Keseksaan, iaitu penjawat awam secara salah melibatkan diri dalam perniagaan, iaitu syarikat Genomed Sdn. Bhd.

Pada 20 Disember 2013, Kolonel tersebut juga dituduh melakukan enam kesalahan **menyalah guna harta kerajaan** di bawah seksyen 403 Kanun Keseksaan. Mengikut pertuduhan, beliau telah menjadikan beberapa peralatan perubatan milik HATTM untuk kegunaan dirinya sendiri. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2013, m.s 83*

## Bagaimana **menangani?**

- 1.** Agensi wajib mematuhi sepenuhnya prosedur dan peraturan berkaitan pengurusan aset kerajaan.
- 2.** Setiap aset atau inventori yang diterima mesti direkodkan dalam Borang Terimaan Barang-Barang (KewPS 1).
- 3.** Sebarang kehilangan aset kerajaan perlu dilaporkan segera kepada ketua jabatan.
- 4.** Pergerakan setiap aset dan inventori mesti dipantau.

# 7

## Menerima **hadiah dan keraian** daripada syarikat pembekal

Penjawat awam dilarang menerima sebarang hadiah atau barang berharga daripada mereka yang mempunyai hubungan rasmi dengannya.

Larangan ini secara jelas dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam.

Seksyen 165 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan jenayah bagi perbuatan yang sama.

Penjawat awam harus sentiasa beringat agar tidak menggunakan kedudukan mereka untuk mendapat sebarang hadiah atau keraian.

Penjawat awam juga mesti berwaspada apabila ada pihak tertentu yang cuba membeli 'jiwa' mereka dengan hadiah dan keraian. Walaupun dalam nilai yang kecil.

## Contoh Kes 1

---

Kakitangan JKR hadapi 13 tuduhan  
terima 'hadiah'

---

Kangar, 31 Mei 2005 - Seorang kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) dihadapkan di Mahkamah Majistret atas 13 tuduhan menerima 'hadiah' berupa sebuah telefon bimbit dan pembiayaan bil telefon bimbit sepanjang tahun 2003 bernilai RM2,673.23 daripada seorang pengurus syarikat kejuruteraan.

Mengikut pertuduhan pertama, lelaki tersebut yang bertugas sebagai juruteknik mekanikal JKR dituduh menerima sebuah telefon bimbit jenis Siemens bernilai kira-kira RM700 daripada Pengurus HBS Engineering Sdn. Bhd. pada 4 Disember 2000.

Bagi pertuduhan kedua sehingga 13 pula, beliau dituduh menerima pembiayaan bayaran bil telefon bimbit sepanjang tahun 2003 daripada individu sama bernilai RM1,973.23 di Taman Sena Indah.

Tertuduh mempunyai hubungan rasmi dengan Pengurus HBS Engineering Sdn. Bhd. di mana beliau menyelia dan mengawasi kerja-kerja penyelenggaraan mekanikal di bangunan-bangunan persekutuan dalam negeri Perlis. **SUMBER:** *Utusan Online, 1 Jun 2005*

## Contoh Kes 2

---

Menerima tajaan penginapan daripada kontraktor

---

Laporan Ketua Audit Negara 2006 mendedahkan, sekitar tahun 2003 dan 2004, seorang pegawai Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) menerima tajaan penginapan di Narathiwat, Thailand daripada kontraktor yang membuat pembekalan peralatan di pejabatnya. **SUMBER:** *Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM*

## Bagaimana **menangani?**

- 1.** Pegawai awam mesti mematuhi sepenuhnya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam.
- 2.** Pegawai awam dilarang menerima sebarang hadiah (atau apa-apa barang bernilai) daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengan jabatan.
- 3.** Pegawai perolehan mesti berhati-hati dengan pemberian barang bernilai daripada kontraktor atau pembekal.
- 4.** Menerima hadiah yang dikategorikan sebagai rasuah merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta SPRM 2009.
- 5.** Agensi juga dilarang meminta apa-apa sumbangan daripada syarikat swasta.

# 8

## Gagal melaksanakan *due diligent*

*Due diligent* dalam istilah ringkasnya bermaksud, siasatan latar belakang sesebuah syarikat sebelum sesuatu kontrak ditandatangani.

Langkah ini perlu diambil bagi memastikan kepentingan kerajaan terjamin.

Kegagalan melaksanakan *due diligent* mungkin akan menyebabkan kesilapan memilih kontraktor yang betul-betul layak dan kompeten dalam melaksanakan perolehan kerajaan.

## Contoh Kes

---

Silap memilih kontraktor,  
Sime Darby rugi besar

---

Sekitar tahun 2012, siasatan SPRM mendapati, Sime Darby Berhad (Sime Darby) telah memberi kuasa kepada syarikat Vertical Drive Sdn. Bhd. dan syarikat Nature Ambience Sdn. Bhd. untuk berurusan dengan Kerajaan Negeri Sarawak berhubung kelulusan bagi membangunkan tanah NCR di Sarawak.

Bagaimanapun, tanah yang sepatutnya dianugerahkan kepada Sime Darby telah diberi kepada syarikat Vertical Drive Sdn. Bhd. dan Natural Ambience Sdn. Bhd.

Keadaan ini berlaku disebabkan kegagalan pengurusan Sime Darby untuk membuat *due diligent* dalam proses penganugerahan tanah tersebut.



**Kegagalan itu menyebabkan Sime Darby terpaksa membuat bayaran berjumlah RM85,023,036 kepada Vertical Drive Sdn. Bhd. dan RM16,816,212 kepada syarikat Natural Ambience Sdn. Bhd.**

Bayaran ini bertujuan supaya Sime Darby memperolehi semula pegangan ke atas tanah NCR yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak itu.

**SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2012, m.s 44*

# Bagaimana **menangani?**

- 1.** Agensi bertanggungjawab melaksanakan semakan latar belakang syarikat (yang hendak dilantik) sebelum menandatangani sesuatu kontrak.
- 2.** Elakkan melantik syarikat yang mempunyai sejarah dan latar belakang tidak baik.
- 3.** Laporkan segera ke SPRM sekiranya mempunyai maklumat mengenai rasuah dan salah guna kedudukan dalam melantik sesebuah syarikat.

# 9

## Campur tangan legislatif *(unseen hands)*

Integriti pegawai yang terlibat perolehan sering kali teruji apabila individu tertentu yang mempunyai kedudukan dan kuasa mengeluarkan arahan-arahan yang jelas bertentangan dengan prosedur kewangan.

Contoh arahan adalah:

- memilih syarikat tertentu.
- memberi kelonggaran kepada syarikat tertentu.
- mempercepatkan pembayaran kepada syarikat tertentu.

Perkara ini menimbulkan perasan serba salah pegawai terlibat, untuk memilih antara kepentingan jabatan dan mematuhi arahan tersebut.

Kebanyakan arahan dibuat secara lisan. Oleh itu, apabila timbul masalah dalam perolehan, pegawai perolehan terbabit yang akan dipertanggungjawabkan.

## Ilustrasi 1

---

Arahan menteri agar projek penyelenggaraan  
diberi kepada syarikat tertentu

---

Jabatan A telah mempelawa kontraktor yang layak untuk mengemukakan tawaran mereka bagi kerja penyelenggaraan bangunan pejabat.

Pemilik syarikat Halaman Sdn. Bhd telah berjumpa Menteri yang merupakan Ketua Bahagian (parti politik) di tempatnya. Menteri berkenaan mencatat sokongan berbunyi “Saya sokong” pada surat tawaran syarikat Halaman Sdn. Bhd.

Menteri berkenaan juga menghubungi ketua jabatan A meminta agar syarikat Halaman Sdn. Bhd. dipilih bagi kerja tersebut.

## Ilustrasi 2

Arahan ketua jabatan agar syarikat kawannya dipilih secara rundingan terus

Ketua jabatan B menelefon Pengarah Bahagian Kewangan mengarahkan syarikat Ahmad Albab Sdn. Bhd. dipilih secara rundingan terus. Pembekalan perabot pejabat sebenarnya perlu dibuat secara tender kerana harganya melebihi RM50,000.

## Ilustrasi 3

Timbalan menteri memarahi pegawai perolehan kerana menyekat pembayaran kepada syarikat

Seorang timbalan menteri memarahi pegawai perolehan kerana tidak memperakukan kerja yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat. Akibatnya, pembayaran tidak dapat dibuat kepada syarikat berkenaan. Sebenarnya, pegawai perolehan terbabit enggan memperakukan kerana barang yang dihantar tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

## Bagaimana **menangani?**

- 1.** Pegawai perolehan mesti menjelaskan kepada individu berpengaruh mengenai prosedur perolehan yang perlu dipatuhi.
- 2.** Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan untuk menangani tekanan daripada individu berpengaruh dalam sesuatu perolehan.

Rujuk 'Garis Panduan Tindakan ke atas Sokongan yang Diterima daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan' yang dikeluarkan pada 8 Mac 2010.


- 3.** Setiap surat sokongan mesti didokumenkan dan dilaporkan. Arahan atau sokongan secara lisan mesti direkodkan dan didokumenkan.
- 4.** Dinasihatkan agar segala tekanan atau ugutan daripada individu berpengaruh turut dicatatkan dalam diari rasmi dan peribadi pegawai.

## Bagaimana **menangani?**

- 5.** Surat sokongan tidak boleh menjadi faktor kepada sesuatu keputusan.

Antara catatan sokongan termasuklah “Diluluskan”, “Sila pertimbangkan”, “Disokong”, “Disokong dengan kuat”, “Saya tiada halangan” dan sebagainya.

- 6.** Sekiranya pegawai terbabit menerima tekanan atau ugutan daripada individu berpengaruh, laporkan kepada SPRM.
- 7.** Aduan juga boleh dibuat kepada Pegawai Unit Integriti di agensi masing-masing.
- 8.** Harus diingat bahawa pegawai mesti sentiasa mematuhi peraturan dan prosedur perolehan yang ditetapkan.
- 9.** Tiada tindakan boleh dibuat oleh SPRM sekiranya tekanan atau ugutan tidak dilaporkan.





*Bab*  
**5**

Hati-hati ...

---

**HADIAH**

---

boleh menjadi rasuah

Pemberian hadiah bertujuan untuk melahirkan rasa terima kasih, dan sebagai satu cara menjalin serta mengekalkan hubungan persahabatan atau kekeluargaan. Hadiah juga diberi atas pelbagai alasan sama ada tanda ingatan, pengiktirafan atau penghargaan terhadap budi baik, jasa serta pengorbanan seseorang.

**Pegawai yang terlibat dengan perolehan awam mesti berhati-hati apabila ada pihak yang ingin memberi hadiah kepada mereka.**

Dalam keadaan tertentu, hadiah tersebut boleh dikategorikan sebagai rasuah menurut undang-undang.

## Bila **HADIAH** menjadi **RASUAH?**

\*\*\*

Pemberian hadiah akan menjadi rasuah apabila mempunyai ciri-ciri berikut:

- Pemberi dan penerima hadiah mempunyai **hubungan rasmi**. Contohnya, pemberi hadiah adalah kontraktor, manakala, penerima hadiah adalah pegawai kerajaan (atau syarikat) yang terlibat dalam tender.
- Pemberian hadiah **mempengaruhi keputusan** yang akan dibuat oleh si penerima.
- Nilai hadiah **tidak setimpal** dengan maksud hadiah diberi.
- Hadiah diberi dengan adanya **balasan** tertentu.
- Ada **niat jahat** di sebalik pemberian hadiah. Dengan kata lain, si pemberi mempunyai agenda tersembunyi. Bak kata pepatah Melayu “ada udang di sebalik batu”.

# **PERINGATAN !**

## **KEPADA PEGAWAI PEROLEHAN**

**JANGAN** sesekali menerima hadiah atau apa-apa barang bernilai daripada mana-mana syarikat atau kontraktor yang ada hubungan rasmi dengan pejabat anda.

Pemberian seumpama itu akan menimbulkan rasa serba salah dan dilema kepada anda (pegawai awam). Keputusan yang anda buat selepas itu mungkin dipengaruhi oleh hadiah yang diberi. Akhirnya, membawa kepada perlakuan rasuah.

## *Seksyen 165 Kanun Keseksaan*

Pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

### **Hukuman**

Penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

**Kesalahan menerima hadiah oleh pegawai awam**

## Contoh Kes 1

Menteri besar menerima diskaun keterlaluan daripada kontraktor

Seorang bekas Menteri Besar dituduh di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan apabila membeli dua lot tanah dan sebuah rumah banglo daripada sebuah syarikat dengan harga diskaun yang melampau.

Bekas Menteri Besar berkeñaan membeli hartanah tersebut dengan harga RM3.5 juta sahaja pada tahun 2007. Ia diskaun yang tidak munasabah kerana harga hartanah itu dibeli oleh syarikat terbabit (hujung tahun 2004) adalah RM6.5 juta.

Pengarah syarikat didapati mempunyai hubungan rasmi dengan bekas Menteri Besar kerana syarikatnya terlibat dalam beberapa projek negeri.

Mahkamah mendapati bekas Menteri Besar berkeñaan bersalah dan menjatuhkan hukuman 12 bulan penjara. Mahkamah juga mengarahkan rumah banglo tersebut dilucut hak kepada kerajaan. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2011, m.s 64*

## Contoh Kes 2

---

### YDP Majlis Perbandaran terima set golf

---

Pada 9 Februari 2004, bekas Yang DiPertua (YDP) Majlis Perbandaran didakwa dengan empat pertuduhan menerima rasuah daripada syarikat kontraktor yang melaksanakan projek perumahan di tanah Majlis Perbandaran terbabit.

Bagi pertuduhan keempat, beliau didakwa sebagai penjawat awam menerima barang berharga tanpa balasan daripada seorang yang mempunyai hubungan rasmi dengannya.

Barang berharga tersebut adalah satu set golf 'Mizuno' bernilai RM2,500. Kesalahan dilakukan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Bekas YDP itu didapati bersalah atas keempat-empat pertuduhan. Beliau dihukum penjara sembilan tahun (berjalan serentak empat tahun) dan denda RM1.945 juta. **SUMBER:** *Laporan Tahunan SPRM 2009, m.s 36*

## HADIAH YANG BOLEH DITERIMA

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan  
3 Tahun 1998 - Garis Panduan  
Pemberian dan Penerimaan Hadiah  
Dalam Perkhidmatan Awam

**1** Hadiah daripada orang yang **tiada kaitan** dengan tugas rasmi.

**2** Hadiah yang diterima mesti kurang daripada  $\frac{1}{4}$  emolumen atau **RM500**.

**3** Hadiah berbentuk lencana, pen, *plaque* dan **cenderamata**.

**4** Hadiah yang terdiri daripada barang-barang **mudah rosak** seperti sayur dan buah-buahan.



## Penjawat awam boleh menerima pemberian hadiah melebihi nilai RM500 apabila:

Hadiah sempena persaraan, pertukaran, pertunangan atau perkahwinan.

Hadiah daripada suami/isteri, ibu/bapa, mertua atau adik beradik.

Hadiah daripada saudara sempena hari jadi, perkahwinan dan sebagainya.

Laporan ini bukan  
bertujuan menyusahkan  
penjawat awam

**LAPORKAN**  
penerimaan  
hadiah  
kepada **KETUA**  
**JABATAN**

Pelaporan bertujuan:

- bagi menjaga **integriti** penjawat awam.
- agar tidak timbul **fitnah** daripada orang ramai.

## **TAWARAN HADIAH YANG SUKAR DITOLAK, APA YANG PERLU DILAKUKAN?**

---

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 turut memberi panduan sekiranya seseorang penjawat awam diberi hadiah daripada mereka yang mempunyai hubungan rasmi, tetapi pemberian tersebut **sukar ditolak**.

**Contohnya, hadiah diberi semasa majlis rasmi atau keramaian. Perbuatan menolak hadiah itu sudah tentu akan memalukan si pemberi.**

Dalam keadaan ini, penjawat awam boleh menerima hadiah tersebut. Bagaimanapun, dengan segera, pegawai itu **mesti melaporkan** kepada ketua jabatan dan memohon kebenaran untuk menerima hadiah tersebut.

## 2 keadaan

penjawat awam  
mesti **melaporkan**  
kepada ketua  
jabatan dan  
memohon  
**kelulusan** untuk  
terima hadiah.

## 1

Pegawai yang menerima  
hadiah berasa ragu-ragu  
sama ada **nilai hadiah**  
**sepadan** dengan maksud  
pemberiannya.

## 2

Pegawai awam berada  
dalam keadaan **sukar**  
**menolak** pemberian  
hadiah yang dilarang  
untuk diterima.

## PERANAN KETUA JABATAN APABILA MENERIMA PELAPORAN DARIPADA PENERIMA HADIAH

Mem**benarkan**  
pegawai  
menerima  
hadiah itu.



Mengarahkan  
hadiah itu  
di**kembalikan**  
kepada si  
pemberi.



Hadiah itu  
disimpan oleh  
**jabatan**.

# *Berfikir* **SEJENAK**

Sebelum anda menerima apa-apa hadiah, soalan di bawah perlu ditanya:

- 1.** Siapa si pemberi? Adakah saya ada kepentingan dengan beliau?
- 2.** Sekiranya saya tidak memegang jawatan sekarang, adakah dia akan beri hadiah ini?
- 3.** Mengapa hadiah ini tidak diberi kepada pegawai lain?
- 4.** Mungkinkah hadiah ini diberi dengan niat tertentu?

## *Tips* **SPRM**

### **SOALAN**

Bolehkah Kelab Sukan dan Kebajikan meminta sumbangan daripada syarikat?

### **JAWAPAN**

Kelab Sukan dan Kebajikan **tidak boleh meminta** sumbangan daripada syarikat atau orang awam.

Walau bagaimanapun, kelab boleh membuat permohonan kepada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK) bagi mendapat sumbangan.

Sekiranya, ada syarikat atau individu yang sukarela (**bukan permintaan kelab**) ingin memberi sumbangan, kelab mesti memohon kelulusan Pegawai Pengawal sebelum sumbangan diterima.





*Bab*

**6**

---

# **MENCEGAH**

---

lebih baik daripada  
merawat

## KENALI **TANDA-TANDA INDIVIDU** TERLIBAT RASUAH

---

**1.** Perubahan gaya **hidup mewah** secara tiba-tiba.

**2. Kegagalan** menjelaskan punca perolehan harta.

**3. Enggan** dinaikkan pangkat atau ditukarkan.

**4.** Panggilan **telefon** yang mencurigakan.

## KENALI **TANDA-TANDA INDIVIDU** TERLIBAT RASUAH

---

**5.** Suka **berlagak** seperti orang kaya.

**6.** Hidup **tertekan** kerana hutang.

**7.** **Peletakan** jawatan secara tiba-tiba.

**8.** Perhubungan **terlalu rapat** pegawai terbabit dengan pelanggan/ kontraktor.

## KENALI **TANDA-TANDA INDIVIDU** TERLIBAT RASUAH

---

**9.** Selalu menerima **hadiah** dan keraian daripada kontraktor/ pembekal.

**10.** Jabatan kerap menerima **aduan** rasuah dan salah guna kuasa berkaitan pegawai terbabit.

**11.** Kontraktor/ Pembekal **tidak mahu** berurusan dengan pegawai lain selain pegawai terbabit.

**12.** Pegawai terbabit sukarela melakukan kerja yang **melampaui** tugas hakikinya.

# RASUAH

---

Awasi  
**TANDA-TANDA**  
ini dalam  
**proses**  
perolehan

---

- Perolehan dibuat walaupun tiada **KEPERLUAN**.
- Kos perolehan yang **TIDAK MUNASABAH**.
- **KUALITI** barang, peralatan atau kerja adalah *sub-standard*, tetapi bayaran dibuat kepada kontraktor.
- Kontraktor tetap dipilih walaupun **BERMASALAH** atau telah disenarai hitam.
- **ALAMAT** premis kontraktor dan pegawai yang terlibat perolehan adalah sama.

# RASUAH

---

Awasi  
**TANDA-TANDA**  
ini dalam  
**proses**  
perolehan

---

- Kontraktor mempunyai hubungan **SAUDARA** dengan pegawai terlibat perolehan.
- Kuantiti barang dalam dokumen tuntutan **BERBEZA** berbanding kuantiti sebenar pembekalan. Tetapi, bayaran masih dibuat kepada pembekal.
- Perolehan daripada kontraktor yang **SAMA**, tetapi menggunakan syarikat berlainan.
- **ARAHAN** individu berkedudukan tinggi untuk memilih syarikat tertentu.
- Kontraktor yang **MELOBI** untuk mendapatkan sesuatu projek.

# TIPS

## Mencegah Rasuah Kepada Penjawat Awam

- Jangan mengatakan '**YA**' bagi pelawaan pertama.
- Hati-hati dengan **pujian** yang diberikan. Pujian yang berlebihan boleh menyebabkan seseorang itu lupa diri dan akhirnya membawa kepada pelanggaran peraturan.
- Jangan sesekali menampakkan perbuatan atau tingkah laku yang menggambarkan seolah-olah kita yang **meminta-minta**.
- Jangan membiasakan diri menerima sebarang bentuk **keraian** daripada mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita, walaupun sekadar belanja minum.

# TIPS

## Mencegah Rasuah Kepada Penjawat Awam

- Elakkan berbincang mengenai **hal peribadi** atau keluarga dengan mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita.
- **Berkawan** dengan orang yang jujur dan boleh menasihati serta membimbing kita.
- Elakkan perhubungan yang **terlalu rapat** dengan pihak syarikat yang mempunyai urusan rasmi dengan kita.
- **Tolak tawaran** atau pujukan dengan tegas.



Mencegah **RASUAH**  
dalam **organisasi**

---

APA YANG PERLU  
DILAKUKAN?

---

Mengkaji  
**RISIKO**  
rasuah  
dalam  
agensi

Ketua jabatan atau agensi mesti melakukan kajian yang serius mengenai risiko rasuah dalam jabatan atau agensi.

Ia merangkumi:

- a. persekitaran kerja yang berisiko
- b. jawatan yang berisiko
- c. individu yang berisiko

**Khidmat SPRM:** SPRM menawarkan khidmat nasihat untuk melihat risiko rasuah dalam sesebuah jabatan atau agensi. Kajian dibuat melalui *Corruption Risk Management* (CRM) yang dikendalikan oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM.

# Mematuhi

se penuhnya **peraturan kewangan**  
yang berkuat kuasa

---

Setiap peraturan kewangan bertujuan bagi menjamin integriti sesuatu perolehan.

Ketua jabatan atau agensi mesti memastikan peraturan kewangan tidak dimanipulasi demi untuk mempercepatkan sesuatu proses perolehan.

Contoh manipulasi adalah memecah kecil perolehan, pembelian barangan tambahan dalam sesuatu perolehan aset dan menaikkan harga barang untuk menampung kos lain.

Perolehan boleh dipercepatkan sekiranya setiap proses perolehan tidak dilengah-lengahkan, dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan berserta dokumen yang lengkap.

Bahagian pentadbiran dan kewangan sesebuah jabatan perlu membantu pihak yang memohon perolehan tersebut. Bukan menjadi penghalang, yang menyebabkan perolehan menjadi lambat atau tidak dapat dibuat.

Membudayakan  
**INTEGRITI**  
& nilai **benci**  
**rasuah**  
dalam organisasi

**Dilaksanakan melalui  
aktiviti berikut:**

- Menyediakan peruntukan khas untuk program peningkatan integriti dan nilai benci rasuah dalam kalangan warga kerja.
- Menganjurkan program integriti dan pencegahan rasuah di jabatan atau agensi.
- Memberi peringatan agar menghindari rasuah dan salah guna kuasa semasa mesyuarat atau perhimpunan bulanan.

- Peringatan berterusan kepada warga kerja melalui e-mel.
- Memberi anugerah dan pengiktirafan kepada warga kerja yang telah mempamerkan integriti tinggi semasa melaksanakan tugas.
- Menampal poster yang mempunyai mesej integriti, pencegahan rasuah dan salah guna kedudukan.

**Khidmat SPRM:** Jabatan atau agensi boleh berkerjasama dengan Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM dalam melaksanakan program integriti dan pencegahan rasuah.

SPRM juga boleh membantu membekalkan bahan-bahan ilmiah, poster dan risalah kepada jabatan dan agensi terbabit.

Mewujudkan  
**saluran  
aduan**  
yang  
berkesan

Setiap jabatan atau agensi mesti mempunyai saluran yang berkesan untuk warga kerja melaporkan sebarang bentuk salah laku dan penyelewengan.

Saluran aduan mestilah boleh dipercayai dan wajib merahsiakan identiti pemberi maklumat.

# LAKSANAKAN *referral* POLICY

Ramai ketua jabatan atau agensi enggan melaporkan perbuatan rasuah dan salah laku pegawai-pegawainya atas faktor kasihan kepada pegawai berkenaan. Mereka juga tidak mahu memburukkan imej jabatan atau agensi.

Keengganan tersebut menyebabkan perbuatan rasuah dan salah laku tidak dipandang serius. Pelaku pula terus bebas selepas dikenakan tindakan disiplin yang ringan.

Oleh itu, jabatan atau agensi mesti mewajibkan setiap salah laku dilaporkan kepada agensi penguat kuasa dalam kadar segera.

**Laporan bertujuan bagi memastikan pegawai terbabit dikenakan tindakan sewajarnya dan menjadi iktibar kepada pegawai-pegawai lain.**



**AWASI**  
mereka yang  
mengamalkan  
**GAYA** hidup  
mewah

Penjawat awam amat berisiko kepada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa.

Salah satu tanda mereka yang terlibat rasuah adalah gaya hidup mewah dan mempunyai harta berlebihan, yang tidak sepadan dengan pendapatan.

Sehubungan itu, ketua jabatan atau agensi perlu memberi perhatian terhadap warga kerja yang mempunyai tanda tersebut.

## Menguatkuasakan **polisi** pemberian dan penerimaan **hadiah**

Ketua jabatan atau agensi mesti menguatkuasakan peraturan berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah oleh warga kerjanya secara serius.

Budaya memberi dan menerima hadiah dalam kalangan penjawat awam perlu diawasi kerana ia amat cenderung kepada perbuatan rasuah.

Peraturan mengenai hadiah adalah seperti mana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam.

# Tindakan tegas

kepada pegawai yang terlibat rasuah dan salah guna kedudukan

\*\*\*

Tidak semua siasatan SPRM akan berakhir dengan pendakwaan di mahkamah. Sesetengah kes, SPRM akan mengemukakan **Laporan SPRM** kepada ketua jabatan atau agensi untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai terlibat.

Walau bagaimanapun, SPRM yakin pegawai terbabit terlibat dengan sesuatu salah laku.

**Ketua jabatan atau agensi yang menerima Laporan SPRM mesti mengenakan tindakan tatatertib yang tegas kepada pegawai terlibat.**

Keadaan ini disebabkan SPRM tidak mempunyai cukup keterangan untuk membawa pelaku rasuah ke mahkamah.

Perkara ini bertujuan memberi mesej jelas bahawa rasuah adalah satu kesalahan serius, bukannya salah laku yang biasa.

\*\*\*

---

# **INISIATIF** kerajaan

---

bagi memperkasa  
perolehan awam

# 1

## Garis Panduan Tindakan ke atas **SOKONGAN** yang Diterima daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan

Garis panduan ini bertujuan memberi panduan kepada pegawai awam yang terlibat dengan perolehan apabila mereka berhadapan dengan tekanan daripada individu berpengaruh.

Garis panduan yang dikeluarkan pada 8 Mac 2010 ini menetapkan agar:

- Setiap surat sokongan mesti didokumenkan dan dilaporkan.
- Sokongan secara verbal mesti direkodkan dan didokumenkan.
- Surat sokongan tidak boleh menjadi faktor kepada sesuatu keputusan.
- Laporan mesti dikemukakan kepada ketua jabatan atau agensi berkaitan (SPRM).

# 2

## *Integrity Pact*


dalam dokumen perolehan

Arahan untuk melaksanakan *Integrity Pact* (IP) dibuat melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 1 April 2010.

IP dilaksanakan dalam tiga peringkat di mana penender/penyebut harga perlu menandatangani **Surat Akuan Pembida** untuk tidak menawarkan atau memberikan rasuah sebagai sogokan dalam urusan sesuatu kontrak.

Tiga peringkat tersebut adalah:

- Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh penender/penyebut harga.
- Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima.
- Menandatangani perjanjian berkaitan perolehan kerajaan yang mengandungi klausa 'Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan'.



Setiap IP mengandungi kenyataan bahawa penender/penyebut harga mestilah:

- Menerima tawaran rasmi untuk menyertai tender/sebut harga.
- Membuat akuan bahawa **tidak akan terlibat dengan rasuah** dalam semua peringkat perolehan.
- Mewujudkan '*code of conduct*' bagi membanteras rasuah.
- Mematuhi perjanjian kontrak yang mengandungi **klausu pencegahan rasuah**.

# 3

## Pendedahan **maklumat perolehan** di laman sesawang

Melalui inisiatif ini, Kementerian Kewangan Malaysia memaparkan maklumat perolehan kerajaan kepada umum melalui portal ***MyProcurement*** yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 April 2010.

Usaha yang sama turut dibuat oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dengan mewujudkan portal ***MyPartnership***. Ia dilancarkan pada 25 Ogos 2010 bagi memaparkan maklumat projek penswastaan.

Kedua-dua inisiatif ini merupakan komitmen kerajaan untuk meningkatkan ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban dalam perolehan kerajaan.



# 4

## Penubuhan **Unit Integriti** di agensi awam

Inisiatif kerajaan untuk menubuhkan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2013.

Sehingga 31 Disember 2019, **887** Unit Integriti ditubuhkan di agensi awam peringkat persekutuan dan negeri.

Penubuhan Unit Integriti bertujuan bagi membendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

# 5

## Pembentangan LKAN di setiap persidangan Parlimen

Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan pada setiap persidangan Parlimen.

Ia bertujuan agar **siasatan dapat dijalankan segera** setelah isu penyelewengan dan salah laku yang dikesan serta dilaporkan dalam LKAN dibentangkan di Parlimen.

Inisiatif ini mula dilaksanakan mulai tahun 2013. Sebelum ini, siasatan hanya bermula selepas LKAN dibentangkan pada persidangan Parlimen sesi ketiga iaitu di akhir tahun. Keadaan ini menyebabkan kelewatan siasatan terhadap isu berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah laku. Akibatnya, siasatan SPRM tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

# 6


## ISO 37001: ABMS

### *Anti-Bribery Management System*

International Organization for Standardization atau ISO adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) peringkat antarabangsa yang berpusat di Geneva, Switzerland. ISO mempunyai 162 ahli pertubuhan standard di seluruh dunia.

Mulai 15 Oktober 2016, ISO 37001: *Anti-Bribery Management System* (ISO 37001: ABMS) diperkenalkan. ISO ini memberi panduan kepada organisasi mengenai keperluan dan instrumen untuk mencegah rasuah. Pada 17 Oktober 2017, Kerajaan Malaysia menerima pakai ISO 37001 sebagai *Malaysian Standard* (MS).

Semua agensi kerajaan digalakkan mendapat pensijilan ISO 37001: ABMS sebagai usaha pencegahan rasuah secara lebih sistematik.



*Bab*  
**7**

---

# LAPORKAN

jenayah rasuah

---

- 1**
- Tarikh
  - Masa
  - Tempat kejadian

## Laporkan rasuah: Apa yang penting?

Identiti pemberi, penerima dan 'orang tengah' (jika ada).

**2**

**3** Apa yang berlaku dan siapa terlibat dalam kejadian?

**4** Saksi yang mengetahui atau melihat kejadian.

Dokumen-dokumen yang berkaitan.

**5**

# Bagaimana melaporkan jenayah rasuah?

**Datang sendiri ke mana-  
mana pejabat SPRM**

**Menghubungi pejabat SPRM**

- Talian bebas tol : 1-800-88-6000
- Talian biasa : 03-8870 0688
- SMS : 019-6000 696
- Faks : 03-8870 0901

**Mengirim e-mel kepada  
[info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)**

**Layari portal SPRM**

- Sistem Pengurusan Aduan (CMS)

**Mengirim surat ke  
Peti Surat 6000 (tanpa  
setem)**

**Menghubungi mana-  
mana pegawai SPRM**

# AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010



Kerahsiaan identiti pemberi maklumat itu sendiri.



Kebal daripada tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan.



Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan - apabila pemberi maklumat diambil tindakan.

**NOTA: Dengan syarat pemberi maklumat bersedia untuk dikenali pegawai SPRM**



# AKTA PERLINDUNGAN

## SAKSI 2009



Menyediakan tempat tinggal untuk peserta itu.



Apa-apa tindakan lain yang sesuai.



Memohon untuk mewujudkan identiti baru.

Memberikan bayaran sara hidup.



# Pengiktirafan

kepada penjawat awam  
yang menolak rasuah

---

\*\*\*

Mulai 1 Jun 2011, Garis  
Panduan Pengiktirafan  
kepada Penjawat Awam  
yang Melaporkan  
Pemberian atau  
Penerimaan Rasuah  
berkuat kuasa.

---

\*\*\*


# 343

Penjawat awam telah menerima pengiktirafan ini.

# RM640,415

Jumlah hadiah (*reward*) yang telah diberi kepada penjawat awam terbabit.

Sehingga 31 Disember  
2019



Senarai

---

# **RUJUKAN**

---

## ***RUJUKAN-RUJUKAN***

---

1. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
2. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
3. Akta Perlindungan Saksi 2009
4. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
5. BH Online (2017). **Pasangan pensyarah mengaku terbabit rasuah** diekstrak daripada pautan *<http://www.bharian.com.my/node/232179>*
6. BH Online (2017). **Rasuah: Suami isteri pegawai TLDM dipenjara, denda** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada pautan *<http://www.bharian.com.my/node/242209>*
7. BH Online (2017). **3 suspek kes rasuah projek air Sabah didakwa esok** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada pautan *<http://www.bharian.com.my/node/227936>*
8. Dato' Sri Mohd Najib (2016). Ucapan Bajet Tahun 2017, Kementerian Kewangan Malaysia
9. Garis Panduan Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah

## ***RUJUKAN-RUJUKAN***

---

10. Jabatan Audit Negara (2016). Susulan Audit Menurut Perspektif Jabatan Audit Negara Malaysia
11. Kanun Prosedur Jenayah
12. Kanun Keseksaan
13. Laporan Ketua Audit Negara 2010: Aktiviti Kementerian/ Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan
14. Laporan Ketua Audit Negara 2010: Pengurusan Kewangan dan Aktiviti serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan
15. Laporan Ketua Audit Negara 2011: Aktiviti Kementerian/ Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan
16. Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 2: Aktiviti Kementerian/ Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan
17. Laporan Ketua Audit Negara 2013: Aktiviti Kementerian/ Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan
18. Laporan Ketua Audit Negara 2014: Aktiviti Kementerian/ Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan
19. Laporan Tahunan SPRM 2009
20. Laporan Tahunan SPRM 2010

## ***RUJUKAN-RUJUKAN***

---

21. Laporan Tahunan SPRM 2011
22. Laporan Tahunan SPRM 2012
23. Laporan Tahunan SPRM 2013
24. Laporan Tahunan SPRM 2014
25. Laporan Tahunan SPRM 2015
26. Malaymail Online (2017). **Pegawai KBS songlap RM100j, beli kereta Audi, beg Hermes, cincin Cartier** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada pautan <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/pegawai-kbs-songlap-rm100j-beli-kereta-audi-beg-hermes-cincin-cartier>
27. Malaysiakini (2017). **Bekas CEO YPM dipenjara sehari, denda RM300,000** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada pautan <http://www.malaysiakini.com/news/240469>
28. Malaysiakini (2017). **MSN ‘perkudakan’ peruntukan RM5.66 juta** diekstrak pada 7 Julai 2017 daripada pautan <http://www.malaysiakini.com/news/179548>
29. MStar (2017). **Audit: FRIM Ditegur Guna Taktik Pecah Kecil Perolehan** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada pautan <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/04/06/audit-frim-pecah-kecil-perolehan/>



## ***RUJUKAN-RUJUKAN***


---

30. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam
31. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 - Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam
32. Perbendaharaan Kerajaan Bilangan 2 Tahun 2013 - Kaedah Perolehan Kerajaan
33. Portal SPRM (2017). **Data Pesalah Rasuah** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada pautan <http://www.sprm.gov.my/index.php/penguatkuasaan/data-pesalah-rasuah>
34. Star Online (2017). **Exco Johor Didakwa Rasuah** diekstrak pada 8 November 2017 daripada pautan <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2017/04/19/exco-johor-didakwa/>
35. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2010 - Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan Kerajaan
36. UNODC (2013). Guidebook on Anti-Corruption in Public Procurement and the Management of Public Finances, muka surat 1

## ***RUJUKAN-RUJUKAN***

---

37. Utusan Online (2011). **Harga binokular marin lebih mahal** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada pautan [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1026&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Laporan\\_Khas&pg=lk\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1026&pub=Utusan_Malaysia&sec=Laporan_Khas&pg=lk_01.htm)
38. Utusan Online (2017). **Exco Johor, Abd. Latif ditahan SPRM** diekstrak pada 2 Julai 2017 daripada <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/exco-johor-abd-latif-ditahan-sprm-1.454309>
39. Transparency International (2014). *Curbing Corruption in Public Procurement: A Practical Guide*. Berlin, Germany
40. Transparency International (2017), **Public Procurement** diekstrak pada 9 Julai 2017 daripada [https://www.transparency.org/topic/detail/public\\_procurement](https://www.transparency.org/topic/detail/public_procurement)



**RASUAH DIHINA  
MARUAH DIBINA**

[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)



**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

No. 2, Lebuhr Wawasan,  
Presint 7, 62250 Putrajaya.